MULA

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

PERPUSTAKAAN ... MALAYA

INVC......2

# KAHWIN LAMBAT DI KALANGAN WANITA : SEBAB, KESAN DAN PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAPNYA

PER. UTAMA-UM
A004782472

OLEH

NURISHAH BINTI HAJI AHMAD

FAKULTI SYARIAH

AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA

JANUARI 1990

# KAHWIN LAMBAT DI KALANGAN WANITA : SEBAB, KESAN DAN PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAPNYA

OLEH

NURISHAH BINTI HAJI AHMAD

KERTAS PROJEK INI IALAH SATU LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA DALAM SYARIAH PADA SESI 1989/90

FAKULTI SYARIAH
AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA

JANUARI 1990

SEKALUNG KASIH

Buat Ayahnda Dan Bonda Tercinta
Adik-Adik, Abang Dan Kakak,
Untuk Mereka Yang 'Teristimewa',
Guru-Guru, Rerakan Seperjuangan & Masyarakat,
Moga Sumbangsih Ini Membuahkan Sedikit Keberkatan.

# P E N G H A R G A A N


بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام

على رسول الله وآله وأصحابه أجمعين .

ربنا تقبل منا إنك أنت السميع العليم

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t., dengan taufik dan hidayatNya penulis dapat menyiapkan kajian ilmiah ini sekadar kemampuan yang ada. Semuga apa yang diketengahkan dalam perbincangan ini mendapat keridhaan Allah s.w.t.

Di ruangan ini, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Md. Hashim Bin Haji Yahya iaitu penyelia kertas projek ini di atas pandangan, tunjuk ajar, kerjasama dan nasihat yang telah dicurahkan sehingga kajian ini sampai ke penamatnya.

Begitu juga setinggi penghargaan ditujukan kepada pensyarah-pensyarah yang ikhlas mendidik penulis sehingga ke mercu jaya dan akan penulis abadikan segala pengajaran dalam menjalani kehidupan yang mencabar ini.

Setinggi penghargaan juga penulis rakamkan kepada Ustaz

Shafie Khatib Jali dan lain-lain pegawai di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Perdana Menteri yang banyak membantu penulis mendapatkan maklumat dan memberi gambaran dalam masalah wanita yang lambat berkahwin hasil kajian yang mereka lakukan.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kedah, Pegawai- pegawai Jabatan Agama Islam Negeri Kedah, pegawai-pegawai dan pekerja di pelbagai jabatan kerajaan dan juga orang-orang perseorangan yang turut memberi kerjasama khususnya wanita-wanita yang terlibat dalam masalah perbincangan yang turut menjelaskan permasalahan yang mereka alami.

Ribuan penghargaan juga penulis tujukan kepada pihak Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Islam juga Perpustakaan Pusat Dakwah Negeri Kedah.

Seterusnya penulis juga tidak lupa mengucapkan penghargaan kepada rakan-rakan dan adik-adik seperjuangan di atas bantuan, dorongan dan perhatian dalam membantu menyiapkan kertas projek ini juga individu-indimidu yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam masa kajian.

Akhir kata di atas kerjasama, pandangan, bantuan serta pengorbanan yang telah kalian semua sumbangkan samada secara langsung ataupun secara tidak langsung, mudah-mudahan mendapat ganjaran yang setimpal di sisi Allah s.w.t dengan apa yang telah diberikan. Moga-moga usaha yang kecil ini diberkati Allah sete - rusnya memberi manfaat kepada kita semua.

Sekian , Wassalam.


NURISHAH BINTI HAJI AHMAD.

K.M 7.8 JALAN PUTRA,

06250 ALOR JANGGUS,

ALOR SETAR , KEDAH.


JANUARI 1990 M

REJAB 1410 H

# A B S T R A K

Topik ini adalah perbincangan mengenai permasalahan 'Kahwin Lambat di Kalangan Wanita - Sebab, Kesan dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya'. Ianya bukan sahaja menumpukan kepada berapa banyak wanita 'berusia' yang belum berkahwin, malah menfokuskan faktor-faktor pendorong ke arah lambatnya berlaku perkahwinan di kalangan wanita, kesan-kesan sampingan dan permasalahan yang mereka hadapi dan juga sikap serta pandangan masyarakat terhadap golongan wanita yang terlibat.

Skop kajian untuk perbincangan ini dijelaskan dalam bahagian pendahuluan berserta methodologi yang penulis gunakan dalam menyiapkan kertas projek ini.

Dalam bab pertama, penulis membincangkan tentang konsep perkahwinan menurut Islam yang merangkumi definisi perkahwinan dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

Bab kedua, penulis mengupas mengenai pengertian tajuk, latar belakang kependudukan di Malaysia dan menfokuskan sebab-sebab berlakunya kahwin lambat di kalangan wanita 'berusia'.

Dalam bab ketiga pula, penulis membincangkan tentang

kesan-kesan yang timbul dan kemungkinan berlaku akibat perkahwinan yang lambat berlaku sehingga mencapai usia yang tinggi khususnya dalam masalah kesuburan, tekanan perasaan dan lainnya.

Bab keempat pula, penulis menumpu pandangan masyarakat terhadap wanita 'berusia' yang belum berkahwin dari segi pergaulan dan hubungan kemasyarakatan.

Manakala dalam bab kelima, beberapa ulasan, cadangan serta saranan telah dikemukakan untuk memperbaiki dan cuba mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang berlaku.

Walaupun terdapat banyak kekurangan dari pelbagai sudut seperti kurangnya bahan-bahan rujukan, tidak mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak-pihak tertentu, namun demikian apa yang diharapkan agar kajian ringkas ini dapat menjadi panduan untuk masyarakat khususnya golongan wanita yang akan melaksanakan tuntutan perkahwinan agar lebih menumpukan aspek-aspek yang dituntut oleh syarak dalam memilih pasangan hidup dari aspek-aspek yang lain.

# KANDUNGAN

Halaman

PENGHARGAAN i

ABSTRAK iv

KANDUNGAN vi

PENDAHULUAN x

## BAB PERTAMA

## LANDASAN TEORI

1.1 Konsep Perkahwinan Menurut Islam 1

1.2 Definisi Perkahwinan 2

1.3 Hukum Perkahwinan 6

1.4 Hikmat Perkahwinan 8

NOTA KAKI BAB PERTAMA 13

## BAB KEDUA

## KAHWIN LAMBAT DI KALANGAN WANITA DAN SEBAB-SEBABNYA

2.1 Pengertian Tajuk 15

2.2 Latar belakang Penduduk Malaysia dan Konsep 70 Juta Penduduk 17

2.3 Sebab-Sebab Berlakunya Kahwin Lambat 20

| | | |
|---|---|---|
| 2.3.1 | Sistem Pendidikan dan Pekerjaan | 21 |
| 2.3.2 | Belanja Kahwin Yang Tinggi | 23 |
| 2.3.3 | Terlalu Pemilih | 24 |
| 2.3.4 | Kurang Campurtangan Ibubapa Dalam Memilih Jodoh | 25 |
| 2.3.5 | Kebebasan | 26 |
| 2.3.6 | Penolakan Terhadap Poligami | 27 |
| 2.3.7 | Mampu Berdikari | 28 |
| 2.3.8 | Kecacatan | 28 |
| 2.3.9 | Lain-Lain Faktor | 29 |
| | NOTA KAKI BAB KEDUA | 31 |


BAB KETIGA

KESAN-KESAN KAHWIN LAMBAT

DI KALANGAN WANITA

| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Kurangnya Produksi Generasi | 35 |
| 3.2 | Kekuatan Pemerintahan | 36 |
| 3.3 | Tekanan Perasaan atau Sakit Jiwa | 37 |
| 3.3.1 | Takut Menghadapi Usia Yang Semakin Meningkat | 37 |
| 3.3.2 | Pandangan Serong Masyarakat | 37 |
| 3.3.3 | Desakan Ibubapa dan Keluarga | 38 |
| 3.3.4 | Rendah Diri | 38 |
| 3.3.5 | Kebebasan Seks | 39 |
| 3.3.6 | Kepuasan Melalui Onani | 40 |

3.4 Kesan-Kesan Sampingan Dari Sudut Kesihatan 42

NOTA KAKI BAB KETIGA 44

BAB KEEMPAT

PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP WANITA

'BERUSIA' YANG BELUM BERKAHWIN

4.0 Pendahuluan 46

4.1 Faktor-Faktor Penyebab Wanita 'Berusia' Lambat Berkahwin 48

4.2 Hubungan Wanita Terlibat Dengan Masyarakat 54

4.3 Pandangan Masyarakat Terhadap Penyelesaian Masalah Wanita 'Berusia' Yang Lambat Berkahwin 64

NOTA KAKI BAB KEEMPAT 69

BAB KELIMA

SARANAN DAN CADANGAN

1. Memberi Kefahaman Tentang Kepentingan Perkahwinan 71

2. Campur tangan Ibu bapa 72

3. Menawarkan Diri 74

4. Poligami 76

5. Melalui Cara Jamaah 77

6. Mengurangkan Permintaan Belanja Kahwin Yang Tinggi . 78

7. Mengenakan Hukuman Yang Berat 79

8. Mengawal Kebebasan 80

9. Agensi Cari Jodoh 80

10. Unit Kaunseling 81

11. Persatuan 83

KESIMPULAN 86

BIBLIOGRAFI 88

LAMPIRAN

# P E N D A H U L U A N

'Manusia' adalah makhluk unik ciptaan Allah Taala yang tiada tandingan. Sejak zaman Adam Alaihissalam, kelahiran manusia semakin bertambah dari masa ke semasa. Saiz dan kadar pertambahan penduduk berbeza-beza mengikut faktor-faktor tertentu. Namun demikian bagaimana kelahiran boleh berlaku sekiranya tidak melalui ikatan perkahwinan.

Perkahwinan merupakan satu ikatan memanjangkan zuriat bagi mewarnai wajah bumi ciptaan Allah Subhanahu Wataala. Setiap wanita yang sempurna mengharap dan mengimpikan sebuah perkahwinan yang bahagia dan berkekalan. Walau bagaimanapun manusia hanya mampu merancang, berikhtiar dan berserah kepada Allah, namun ajal maut dan jodoh adalah atas kehendak dan ketentuanNya.

Dari sudut perkahwinan, wanita 'berusia' yang belum berkahwin atau mendirikan rumah tangga sering dikaitkan dengan gelaran 'andartu' atau anak dara tua. Bagi sesetengah wanita 'title' ini adalah amat memalukan, manakala yang lainnya mungkin menganggapnya sebagai satu suratan takdir atau perkara biasa. Namun masyarakat sering menjadikan 'title' ini sebagai satu bahan gurauan atau mungkin juga menganggap ada sesuatu yang tidak kena dengan

wanita 'berusia' yang masih belum bertemu jodoh.

Jarang ada orang membincangkan perasaan mereka yang terbabit atau menyelami tekanan-tekanan yang dihadapi oleh segolongan wanita ini. Ke mana mereka salurkan perasaan atau keinginan mereka, bagaimana pengisian waktu mereka ? Perkara ini jarang ditanya atau dipersoalkan malah perasaan mereka sering ditekan dengan pelbagai pandangan sinis, umpat keji dan anggapan buruk.

Wanita bekerja yang belum berkahwin sehingga mencapai usia tua mungkin terpaksa menahan perasaan di pejabat dengan sindiran rakan-rakan sekerja, manakala yang di rumah dengan sindiran jiran-jiran dan masyarakat sekitar.

Tingkah laku wanita-wanita yang masih belum berkahwin biasanya bagaikan permata di mata masyarakat, sering ditelek dan menjadi perhatian. Sejengkal kesilapan yang dilakukan mungkin sedepa tohmah yang dilemparkan dan dalam keadaan-keadaan tertentu mungkin dianggap perampas atau cuba merampas suami orang.

Dalam keadaan begini, rasanya sudah tiba masanya masyarakat perlu mengubah sikap kerana masalah ramai wanita 'berusia' yang tidak berkahwin kian berat dan rumit. Oleh itu jalan penye -

lesaiannya bukan hanya dengan tanggapan-tanggapan negatif dan sindiran sumbang yang diluah dan dilemparkan kepada mereka se - mata-mata. Apa yang diperlukan ialah sikap yang lebih positif dan memberi sokongan dalam hal-hal yang berpatutan kepada mereka serta cuba mencari jalan penyelesaian. Sindiran atau prejudis tidak akan mengubah keadaan malah mengeruhkan lagi permasalahan.

## Tujuan Kajian

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengeluarkan kenyataan bahawa hasil kajian yang telah mereka lakukan didapati 60,000 wanita yang berusia dikalangan 30 hingga 34 tahun masih belum mendirikan rumah tangga atau belum berkahwin. Kenyataan ini mengejutkan semua pihak.

Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, penulis memilih tajuk "Kahwin Lambat di Kalangan Wanita, Sebab, Kesan dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya" bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong ke arah berlakunya masalah ini, apakah kesan-kesan yang timbul hasil daripada permasalahan yang berlaku dan bagaimana pandangan masyarakat terhadap wanita 'berusia' yang belum berkahwin.

Walau bagaimanapun, ada pihak-pihak tertentu yang mempertikaikan perangkaan yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara tersebut. Menurut Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (HAWA), bancian Jabatan Perangkaan menunjukkan bah awa bilangan wanita berumur antara 20 dan 24 tahun yang tidak berkahwin pada tahun 1980 ialah 335,694 orang. Dengan mengandaikan bahawa 10 peratus daripada jumlah tersebut masih tidak berkahwin, HAWA menganggarkan bahawa hanya 33,559 wanita saha-

ja yang kini berusia 30 hingga 34 tahun yang masih tidak berkahwin.

Walau bagaimanapun, perbincangan ini bukan hanya berkisar pada bilangan sama ada 33,359 atau 60,000 orang wanita 'berusia' yang tidak berkahwin semata-mata. Dari kaca mata penulis, masalah ramai wanita yang tidak berkahwin ini sememangnya ujud. Yang pentingnya jika sekiranya mana-mana angka itu benar, apakah sebab-sebab berlakunya masalah ini, kesan-kesan sampingan yang timbul dan bagai mana pandangan dan tanggapan masyarakat terhadap golongan yang terlibat dan apakah langkah-langkah dan tindakan yang harus diambil bagi mengatasi permasalahan ummah ini?.

Melalui kajian yang dilakukan, penulis mendapati masih ada di kalangan masyarakat yang kurang memahami konsep perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam secara terperinci dan masih ada di kalangan masyarakat yang beranggapan negatif terhadap wanita yang lambat berkahwin tanpa mengenal pasti apakah penyebab permasalahan mereka sehingga golongan wanita ini sering dicemuh dan di cuci.

Melalui kajian ini juga penulis secara tidak langsung dapat menanam kefahaman tentang hakikat perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam terutama kepada wanita-wanita yang terlibat, ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya.

## Skop Kajian

Berdasarkan tajuk kajian yang dipilih, penulis memberi tumpuan kepada keadaan yang berlaku di Malaysia secara umum. Dalam hal ini walaupun ianya satu skop perbincangan yang luas, setelah meneliti laporan kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Perangkaan dan lain-lain telah menolong penulis secara tidak langsung melengkapkan sedikit kajian yang dibuat.

Penulis tidak dapat menumpukan skop kajian di sesuatu tempat yang tertentu misalnya di sesuatu negeri kerana tidak ada kajian khusus setakat ini yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu bagi mengenal pasti ujudnya permasalahan ini yang boleh membantu penulis dalam pengumpulan maklumat bagi melengkapkan kajian dan juga sukarnya mendapat responden yang terlibat dalam masalah ini secara langsung bagi mendapatkan kerjasama.

Methodologi

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat, penulis telah memperolehi data-data dan maklumat melalui kaedah-kaedah berikut :

1. Penyelidikan Perpustakaan

Penulis menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan ini bagi mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai sistem perkahwinan menurut Islam dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Untuk tujuan tersebut, penulis mendapatkan maklumat melalui buku-buku rujukan, majalah dan juga akhbar.

2. Pengumpulan Data

Beberapa maklumat melalui perangkaan kahwin lambat di kalangan wanita di Malaysia, data-data penduduk dan keluasan kawasan di Malaysia diperolehi melalui lapuran hasil kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Buku-buku perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia, akhbar-akhbar juga majalah.

3. Temubual

Penulis telah mengadakan temubual dengan beberapa golongan wanita yang terlibat secara langsung dalam permasalahan ini, golongan alim ulamak, pihak-pihak Lembaga Pendudukuk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pegawai-pegawai Majlis dan Jabatan Agama Islam juga masyarakat umum. Melalui temubual yang dibuat, penulis dapat memperlengkapkan lagi maklumat yang sedia ada. Seterusnya penulis dapat meninjau pandangan mereka terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan wanita yang lambat kahwin seterusnya cara penyelesaian terhadap masalah ini.

4. Soal Selidik

Penulis juga menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat serta pandangan masyarakat dan juga bagi mengenal pasti sikap mereka terhadap masalah yang dihadapi oleh wanita-wanita 'berusia' yang belum berkahwin. Dalam hal ini penulis memilih responden daripada tiga katagori masyarakat iaitu masyarakat kampung, pinggir bandar dan masyarakat bandar yang meliputi kalangan masyarakat yang bekerja dan juga yang tidak bekerja.

5. Observasi ( Pemerhatian )

Penulis telah menggunakan kaedah pemerhatian secara tidak langsung di dalam mengenal pasti keadaan yang ujud dalam permasa-

lahan yang dibincangkan. Kaedah ini digunakan memandangkan isu yang dibincangkan terlalu sensitif terutamanya dikalangan wanita yang terlibat. Penulis membuat pemerhatian hasil perbincangan melalui rakan-rakan terdekat yang terlibat secara langsung dengan wanita 'berusia' yang belum berkahwin. Kaedah ini juga dapat membantu kajian penulis.

6. Penanalisaan Data

Penganalisaan data yang penulis dapati daripada soal selidik dipersembahkan secara menggunakan rajah dan peratus. Di sini penulis menggunakan peratus dan rajah bagi semua responden yang diperolehi bagi memudahkan lagi penyemakkan.

Untuk mendapatkan jumlah peratus ini, penulis membahagikan juml ah respunden yang diperolehi dengan jumlah soal selidik dan didarab dengan seratus. Ringkasnya dapatlah digambarkan se - perti di bawah :

$$\frac{\text{Jumlah responden}}{\text{Jumlah soal selidik}} \times 100 = _____ \%$$

Manakala data-data daripada interview dan observasi dilapurkan berdasarkan sebagaimana maklumat yang diperolehi.

Masalah Kajian

Sepanjang penyelidikan dibuat, penulis menghadapi beberapa masalah khususnya bagi mendapatkan gambaran sebenar masalah yang dihadapi oleh wanita yang terlibat dalam permasalahan yang diperbincangkan disebabkan perbahasan ini amat sensitif dan merupakan masalah peribadi di kalangan mereka.

Soal selidik yang penulis edarkan kepada wanita-wanita 'berusia' yang belum berkahwin sukar didapati semula dan tidak mendapat kerjasama. Walau bagaimanapun, penulis berusaha mendekati dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka secara temubual walaupun mendapat pelbagai halangan.

Penulis juga menghadapi masalah dengan Agensi Cari Jodoh yang terlibat bagi membantu wanita yang lambat berkahwin khususnya di bandar-bandar. Agensi-agensi ini tidak memberi kerjasama walaupun pada mulanya menyatakan persetujuan untuk ditemubual bagi melihat perjalanan perkhidmatan mereka dan sejauh mana mereka berjaya mempertemukan pasangan yang sesuai.

Kekurangan penulis juga menjadi masalah terutamanya ketidakmampuan penulis mengolah, menghurai dan memperindahkannya

dengan bahasa- bahasa yang menarik dan tersusun.

Ekoran daripada masalah-masalah ini, penulis tidak dapat memperincikan tajuk kajian ini dengan sebaik-baiknya hanya sekadar kemampuan yang ada setelah usaha dan ikhtiar dilakukan.

Segala yang baik itu adalah milik Allah Subhanahu Wataala dan segala kekurangan dan kedhaifan adalah daripada diri penulis yang serba kekurangan.

# BAB PERTAMA

## LANDASAN TEORI

### 1.1 Konsep Perkahwinan Menurut Islam

Kehidupan seorang insan tidak mungkin dapat diteruskan zuriatnya kecuali melalui proses perkahwinan.

Perkahwinan merupakan salah salah satu sunnah yang amat dituntut sehinggakan Rasulullah s.a.w pernah bersabda :[1]

النكاح سنتي . فمن لم يعمل بسنتي فليس مني

Yang bermaksud:

> "Perkahwinan itu adalah sunnahku, sesiapa yang tidak beramal dengan sunnahku, maka ia bukanlah daripada golonganku".

Melihat kepada hadis ini dapatlah difahamkan bahawa kita amatlah dituntut melakukan perkahwinan apabila cukup dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa menganggapnya sebagai suatu perkara yang remeh dan sampingan dalam kehidupan.

1.2 Definisi Perkahwinan

Definisi perkahwinan dapat dilihat daripada dua sudut iaitu dari segi bahasa dan syarak.

1.2.1 Perkahwinan dari segi bahasa

Dalam istilah bahasa perkahwinan bererti kumpul, berhimpun atau bersatu.[2]

Dalam sebuah kitab, perkahwinan ditakrifkan sebagai mengkahwinkan sesuatu dengan sesuatu.[3] Pendapat ini disokong oleh firman Allah s.w.t iaitu :[4]

وَمِن كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٩﴾

Yang bermaksud :

" Dan segala sesuatu kami jadikan berjodoh-jodohan agar kamu semua mahu berfikir "

1.2.2 Perkahwinan dari sudut syarak

Definisi perkahwinan dari sudut syarak terdapat berbagai-bagai pendapat, di antaranya ialah :

Perkahwinan bermaksud satu akad yang mengandungi keharusan bersetubuh dengan menggunakan lafaz nikah, mengahwinkan atau yang seerti dengan kedua-dua lafaz tersebut.[5]

Begitu juga perkahwinan yang ditakrifkan di dalam Al Mughni Al Muhtaj sebagai satu akad yang mengharuskan lelaki dan perempuan bersatu secara halal dengan menggunakan lafaz nikah atau terjemahannya.[6]

Perkahwinan juga ditakrifkan sebagai satu akad (contract) antara lelaki dan perempuan yang bertujuan untuk mendapat faedah keharusan bersedap-sedap atau bersenda gurau antara satu sama lain, juga hendaklah tidak ada halangan di sisi syarak antara keduanya untuk melaksanakan akad tersebuat.[7]

Perkahwinan mengikut pandangan segolongan ahli akademik Islam ialah suatu akad yang bertujuan untuk mendapatkan kelazatan di mana suami dan isteri dihalalkan untuk bersedap-sedap mengikut pandangan Islam serta masing-masing mempunyai hak dan tanggung jawab di antara satu sama lain.[8]

Perkahwinan juga merupakan satu kontrek sivil. Dengan erti kata lain ianya merupakan satu kontrek yang ujud antara seorang

lelaki dan seorang perempuan yang mana terdapat tawaran dari pada pihak perempuan iaitu ijab dan penerimaan daripada pihak lelaki iaitu qabul. Terdapat pula balasannya iaitu mas kahwin yang diberikan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan.[9]

Dalam konteks perbahasan harian, perkahwinan ialah satu pertalian yang sah antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang hidup bersama dengan tujuan untuk membentuk keluarga dan membiakkan keturunan serta mencegah persinaan di samping untuk menjaga ketenteraman jiwa dan rohani.[10]

Terdapat juga yang mendefinisikan perkahwinan sebagai satu aspek dalam bidang kebudayaan iaitu satu cara hidup di mana manusia lelaki dan perempuan bermasyarakat, menghubungkan diri mereka ke dalam satu cara yang tertentu untuk memenuhi keperluan seks bagi melahir dan mengekalkan keturunan. Oleh itu perkahwinan adalah soal kemasyarakatan. Perhubungan lelaki dan perempuan adalah perhubungan kemasyarakatan dan ianya mestilah diterima dan disahkan oleh manusia lain di dalam sesebuah masyarakat di mana perhubungan itu dilakukan.[11]

Perkahwinan juga ditakrifkan sebagai suatu akad yang menghalalkan pergaulan dan membatasi hak juga kewajipan serta bertolong- tolongan antara seorang lelaki dan seorang perempuan

yang mana antara keduanya bukan muhrim.[12]

Kesimpulan.

Daripada definisi-definisi yang telah diutarakan, dapatlah dikatakan bahawa perkahwinan adalah satu akad yang telah di tetapkan oleh Allah s.a.w yang dilakukan oleh seorang lelaki (bakal suami) atau walinya dengan seorang wali atau wakilnya kepada seorang wanita tertentu ( perempuan yang diharuskan oleh syarak berkahwin dengan lelaki tersebut ). Dengan berlakunya akad tersebut, syarak mengharuskan kedua-duanya melakukan persetubuhan setelah memenuhi syarat-syarat dan rukun yang berkenaan dengannya.

## 1.3 Hukum Perkahwinan

Perkahwinan boleh dibahagikan kepada hukum-hukum tertentu berdasarkan kepada keadaan-keadaan yang tertentu iaitu :

1) Wajib

Wajib berkahwin bagi seseorang yang berkemampuan dari segi nafkah dan tidak dapat menahan nafsunya serta dibimbangi akan terjerumus ke lembah perzinaan.[13]

2) Sunat

Bagi seseorang yang mempunyai nafsu untuk berkahwin dan mempunyai kemampuan tetapi masih dapat menahan dirinya daripada melakukan zina, maka sunat baginya berkahwin.
Rasulullah s.a.w bersabda :[14]

تزوجوا الودود الولود فانى
مكاثربكم الامم يوم القيامة

Yang bermaksud :

"Kahwinlah kamu dengan perempuan yang boleh melahirkan anak yang banyak, sesungguhnya aku akan berbangga de - ngan jumlah kamu yang banyak pada hari kiamat."

3) Haram

Haram berkahwin bagi sesiapa yang tidak ingin berkahwin dan tidak ingin kepada perempuan dan yakin tidak dapat mengurus-kan seorang isteri seperti memberi makan, nafkah, menyediakan tempat tinggal dan lain-lain kewajipan. Sekiranya ia berkahwin juga kemungkinan akan memberi kesusahan dan kesulitan kepada perempuan yang dikahwininya.[15]

4) Makruh

Makruh berkahwin bagi seseorang yang lemah syahwat dan tidak mampu menanggung nafkah isterinya dan tidak dapat menjaga kehormatannya dan sekiranya ia berkahwin diyakini akan mengurang-kan ibadatnya kepada Allah s.w.t.[16]

5) Harus

Harus berkahwin bagi sesiapa yang tidak terdesak oleh alasan-alasan yang mewajibkannya berkahwin atau karena alasan-alasan yang mengharamkannya berkahwin.[17]

1.4 Hikmat Perkahwinan

Perkahwinan adalah sunnatullah yang umum berlaku pada semua makhluk tuhan, baik pada manusia, haiwan mahupun tumbuh-tumbuhan. Di antara hikmat-hikmat yang boleh didapati melalui perkahwinan adalah :

a) Perkahwinan merupakan jalan yang paling baik untuk menyalurkan dan memenuhi naluri seks serta mendapat ketenangan.[18] Kenyataan ini dinyatakan oleh firman Allah s.w.t :[19]

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ
أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud :

" Dan di antara tanda kekuasaanNya Ia ciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepada nya dan dijadikanNya di antara kamu kasih dan sayang. Sesungguhnya yang demikian itu merupakan tanda-tanda ( kekuasaanNya ) bagi kaum yang ber - fikir ".

Ketenangan yang dimaksudkan bukanlah ketenangan akal fikiran semata-mata yang menghilangkan segala permasalahan atau ketenangan meterial, malah ketenangan yang dimaksudkan adalah ketenangan hati dan jiwa di mana perpaduan roh dan hati kedua-

dua pasangan suami isteri menjadi sehati dan sejiwa.

Ketenangan jiwa dan kasih mesra yang dirasai oleh seseorang sewaktu berhadapan dengan pasangan hidupnya adalah keperluan psikologi yang tidak dapat dirasakan nikmatnya oleh orang-orang bujang yang belum berkahwin.

b) Perkahwinan juga merupakan jalan terbaik untuk mendidik anak-anak menjadi mulia, memperbanyakkan keturunan, membahagiakan hidup serta memelihara nasab keturunan yang amat diberatkan oleh Islam. Ini dinyatakan oleh hadis Rasulullah s.a.w :[20]

تزوجوا الودود الولود فانى
مكاثربكم الامم يوم القيامة

Yang bermaksud :

"Kahwinlah dengan perempuan yang boleh melahirkan anak yang banyak, sesungguhnya aku akan berbangga dengan jumlah kamu yang banyak di hari kiamat."

c) Mengikut kaca mata Islam, perkahwinan juga boleh membentuk budi pekerti yang mulia, menjamin individu dalam masyarakat daripada keruntuhan akhlak serta menyelamatkan umat daripada berlakunya korupsi. Lantaran itu Islam sangat-sangat memberatkan urusan perkahwinan khususnya terhadap muda-mudi bagi

mengawal dan menyelamatkan mereka daripada berlaku sebarang pe - nyelewengan dari kerosakan akhlak dan budi pekerti. Rasulullah s.a.w menyarankan hakikat ini dengan sabdanya :[21]

يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج فإنه أغض للبصر وأحصن للفرج ومن لم يستطع فعليه بالصوم فإنه له وجاء .

Yang bermaksud :

"Wahai golongan pemuda-pemudi ! Sesiapa di antara kamu yang mempunyai kemampuan, maka hendaklah dia berkahwin, karana perkahwinan boleh menyelamatkan penglihatan dan kemaluan kamu. Dan sesiapa yang tidak berkemampuan, maka hendaklah ia berpuasa karana puasa dapat melemahkan syahwatnya."

d) Naluri kebapaan dan keibuan akan ujud dalam suasana hidup bersama anak-anak dan akan ujudlah perasaan kasih sayang yang merupakan sifat-sifat yang baik dalam menyempurnakan kehi- dupan seseorang.

e) Menyedari tanggung jawab bersuami isteri dan menang- gung anak- anak akan menimbulkan sikap rajin dan bersungguh-sung- guh berusaha menambah pendapatan.

f) Berlakunya pembahagian tugas dalam mengatur rumah - tangga serta bekerja. Dengan pembahagian tugas yang adil, masing-

masing pasangan dapat memikul tanggung jawab sesuai dengan keredhaan Ilahi.

g) Dengan perkahwinan juga dapat mengeratkan tali kekeluargaan, memperkuatkan hubungan harmoni antara keluarga dan dapat menjalin hubungan kemasyarakatan yang amat digalakkan oleh Islam.

h) Perkahwinan juga dapat mengawal dan membasmi beberapa jenis penyakit yang biasa dijangkiti akibat perhubungan jenis di luar niakah seperti penyakit siplis, karang nanah dan lain-lain penyakit seumpama ini. Undang-undang Islam dengan tegas menolak perbuatan hubungan jenis di luar nikah sehingga orang-orang yang melakukan perbuatan zina ditetapkan dengan hukuman yang berat seperti mana firman Allah Taala :[22]

ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِي فَٱجْلِدُوا۟ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِا۟ئَةَ جَلْدَةٍ

Yang bermaksud :

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina maka deralah tiap-tiap seorang daripada kedua nya dengan seratus kali deraan."

Selain daripada hikmat- hikmat yang disebutkan, pelbagai hikmat lain boleh didapati bagi pasangan yang berkahwin. Malahan melalui proses perkahwinan inilah sebagai suatu cara untuk sampai kepada pembentukan suatu masyarakat yang merangkumi di dalamnya aspek-aspek pengabdian diri kepada Allah secara mutlak, kemasyarakatan, sosial dan politik.

## NOTA KAKI

1 Al Khazwani, Abi Abdullah [illegible] Yazid, Sunan Ibnu Majah, juzuk 1. Istanbul, 197[illegible], hal. [illegible].

2 Muhamad As Sharbini Al Khatib, Al Iqna' Fi Hal'li Al Faz'zi Abi Syuja', juzuk [illegible]. Beirut : Dar Al Fikr Lil Tibaat Wal Nasyr Wal Tauzi, (tanpa tarikh), hal. 1[illegible]5.

3 Khalid, As Sheikh Hassan Adnan Naja, Ahkam Al Ahwal As Syaksiyyah Fi As Syariah Al Islamiyah. Beirut : Al Maktabah At Tijari, 1964, hal. 16.

4 Al Quran, surah Az Zariyat, ayat 49.

5 Muhamad As Sharbini Al Khatib, op. cit.

6 An Nawawi, Abu Zakaria Yahya, Mughni Al Muhtaj, juzuk 3. Mesir : Mustafa Al Babi Al Halabi Wa Auladihi, 1965, hal. 123.

7 Khalid As Sheikh Hassan, op. cit.

8 Taufik Hassan Farj (Dr.). Ahkam Al Ahwal As Syakhsi[illegible] Li Ghair Al Muslim Min Al Misriyyin. Iskandariah : Masyaah Al Arif, 1969, hal. 342.

9 Ahmad Ibrahim, Islamic Law In Malaysia. Kuala Lumpur : Malaysian Sociological Research Institution, 1975, hal. 176.

10 Mohd. Samusi Haji Mahmud (Hj.), Undang-Undang Keluarga Dalam Islam, cetakan pertama. Kota Baharu : Syarikat Dian Sdn. Bhd., 1978, hal. 17.

11 Hassan Ahmad, "Perkahwinan Satu Cara Hidup Manusia", Dewan Masyarakat, Jilid 1, bil. [illegible], 1[illegible] September 19[illegible]3, hal. 22.

12 H. Sulaiman Rasjid, Figh Sunnah, cetakan ketujuh belas. Jakarta : Penerbitan At Tahiriyyah, 1954, hal. 355.

13 As Sayid Sabiq, Figh Sunnah, juzuk 2. Beirut : Darul Kitab Al Arabi, 1969, hal. 15.

14 Al Asy'ash, Abi Daud Sulaiman, Sunan Abi Daud, juzuk 2, cetakan 1. Mesir : Matbaah Al Babi Al Halabi Wa Auladuhu, 1952, hal. 220.

15 As Sayid Sabiq, Figh Sunnah, op. cit.

16 Ibid, hal. 18.

17 Ibid, hal. 20.

18 Ibid, hal. 13.

19 Al Quran, surah Ar Rum, ayat 21.

20 Al Asy'ash, Abi Daud Sulaiman, Sunan Abi Daud, op. cit.

21 Al Khazwani, Abi Abdullah Bin Yazid, Sunan Ibnu Majah, op. cit.

22 Al Quran, surah An Nur, ayat 2.

## BAB KEDUA

# KAHWIN LAMBAT DI KALANGAN WANITA

# DAN SEBAB-SEBABNYA

A. Pengertian Tajuk

Perkataan "Kahwin" berasal daripada kalimah Arab iaitu ( نكاح ) atau ( زواج )[1] yang bermaksud berkahwin, beristeri ataupun bersuami.[2]

Manakala perkataan 'lambat' pula membawa erti tidak mengambil masa yang cepat atau lekas.[3]

Di sini 'wanita' yang lambat berkahwin dikatagorikan dalam lingkungan usia 30 atau 34 tahun ataupun lebih.[4]
Ini termasuklah semua golongan wanita dalam katagori umur ini tanpa mengira kaum, bangsa juga taraf pekerjaan ataupun tidak. Golongan wanita dalam katagori umur ini juga dikenali sebagai wanita 'berusia'.

Secara umumnya, penulis mengertikan tajuk ini sebagai 'segolongan atau sebahagian daripada wanita yang lambat berkah-

win atau bersuami ketika mencapai usia 30 hingga 34 tahun ke atas.' Dalam kajian ini penulis mengolongkan semua golongan wanita di Malaysia dalam katagori usia tersebut tanpa membatas: kaum, bangsa mahupun agama.

## 2.2 Latar Belakang Penduduk Malaysia dan Konsep 70 juta Penduduk.

Malaysia, sebuah negara unik dengan penduduk berbilang kaum, bangsa dan agama meliputi kawasan seluas kira-kira 329,757 kilometer persegi [5] yang terdiri daripada empat belas buah negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Dengan keluasan tersebut, Malaysia mempunyai 17.1 juta penduduk ( bancian tahun 1988 ) di mana 56.9 peratus terdiri daripada bangsa Melayu, 32.5 peratus Cina, 10.0 peratus India dan 0.6 peratus selebihnya terdiri daripada bangsa-bangsa lain.[6]

Daripada jumlah penduduk ini 600,000 daripadanya adalah terdiri daripada golongan wanita yang berusia antara 30 hingga 34 tahun di mana 10 peratus ( 60,000 ) daripada mereka masih belum berkahwin.[7] Ini termasuklah semua golongan wanita dalam katagori usia tersebut termasuk golongan wanita yang bekerja ataupun tidak.

Melihat kepada perangkaan wanita 'berusia' yang belum berkahwin ini amat besar, maka akan terbantutlah hasrat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahadhir Mohamad untuk mening-

katkan jumlah penduduk Malaysia kepada 70 juta penduduk menjelang tahun 2100.[8]

Semasa kajian dibuat ke arah 70 juta penduduk, jumlah penduduk Malaysia adalah 14.8 juta orang ( tahun 1984 ). Dengan bertambahnya penduduk sebanyak 2.6 peratus setahun, jumlah ini akan bertambah sebanyak 384,000 setahun. Dalam jangka masa 115 tahun akan datang, Malaysia akan mempunyai 44,252,000 penduduk. Ini bererti dalam tahun 2100 nanti, penduduk Malaysia ditaksirkan berjumlah 59,052,000 orang iaitu kurang 10,948,000 untuk menjadikannya 70 juta penduduk.[9]

Justeru itu, untuk meningkatkan jumlah ini kepada 70 juta menjelang tahun 2100 nanti, kadar pertambahan penduduk perlulah dipertingkatkan daripada 2.6 peratus setahun kepada 3.08 peratus.[10]

Masalahnya bagaimana kadar ini boleh dicapai sekiranya perkahwinan tidak berlaku sehingga usia mencapai tiga puluhan ? Ini ditambah pula dengan halangan-halangan lain seperti amalan perancang keluarga dan lain-lain yang boleh mengurangkan kadar pertambahan penduduk.

Halangan ini perlu difikirkan dan diselesaikan bersama oleh semua pihak, sama ada pihak yang terlibat mahupun yang tidak terlibat secara langsung agar matlamat dan tujuan akan tercapai bersama.

## 2.3 Sebab-Sebab Berlakunya Kahwin Lambat Di Kalangan Wanita.

Amalan menghidupkan sunnah Nabi s.a.w amatlah dituntut oleh Islam. Sesungguhnya seluruh cara hidup Nabi adalah gambaran kepada akhlak yang dikehendaki oleh al-Quran. Salah satu daripada sunnah tersebut ialah mendirikan rumah tangga apabila sampai masanya dan mencukupi syarat-syaratnya.

Apabila melihat kepada perangkaan hasil kajian yang dibuat oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ( LPPKN ), kita tentunya ingin mengetahui apakah punca sehingga berlakunya masalah lambat kahwin di kalangan wanita 'berusia' ini. Apakah terjadinya permasalahan ini semata-mata berpunca dari pihak wanita yang terlibat atau masih ada fakta-fakta lain yang tersirat di sebaliknya.

Menurut sejarah asalnya, wanita dikaitkan dengan institusi kekeluargaan.[11] Secara tradisinya mereka disifatkan sebagai seorang anak manja, sebagai isteri yang taat atau sebagai ibu yang penyayang. Wanita juga dilambangkan sebagai makhluk yang lemah lembut, bersopan santun dan berbudi bahasa. Pada hakikatnya mereka tidak mampu hidup bersendirian dalam ertikata untuk

menjamin keselamatan diri. Dengan lain perkataan , mereka perlu hidup bersama lelaki sama ada berperanan sebagai bapa ataupun suami.[12]

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya lambat kahwin di kalangan wanita 'berusia' adalah :

2.3.1 Sistem Pendidikan dan Pekerjaan

Kebanyakan anak-anak gadis di zaman ini lebih mengutamakan pelajaran dalam kehidupan. Sistem pendidikan yang sedia ada di Malaysia kini secara tidak langsung memaksa anak-anak gadis dan pelajar keseluruhannya bergelut dengan usia untuk berjaya dalam pelajaran.

Sistem pendidikan ini pada umumnya dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat persekolahan dan peringkat pelajaran tinggi. Ini meliputi enam tahun persekolahan rendah (berumur antara 7 hingga 12 tahun), tiga atau empat tahun persekolahan menengah rendah (13 hingga 16 tahun), dua tahun persekolahan menengah atas (16 hingga 17 tahun), dua tahun tingkatan enam (18 hingga 19 tahun) dan peringkat pendidikan tinggi yang mengambil masa sekurang-kurangnya tiga tahun ke atas.[13]

Dengan sistem pendidikan ini menyebabkan anak-anak gadis yang bersekolah terpaksa menyelesaikan masa persekolahan sehingga melewati usia dua puluhan.

Ibu bapa kini mahukan anak-anak gadis mereka berpelajaran. Jika boleh hingga ke peringkat universiti, ingin mereka bekerja agar dapat membantu adik-adik bersekolah, membantu keluarga dan seumpamany a.[14] Begitu juga dengan anak-anak gadis itu sendiri, mereka tidak mahu terus berkahwin selepas sahaja tamat tempoh persekolahan, tetapi mahu bekerja, mahu pegang duit sendiri, dan mahu cuba-cuba hidup sendiri.[15]

Akhirnya apabila mencapai tahap pendidikan yang tinggi, juga berjawatan tinggi, usia pula semakinmeningkat dan kaum lelaki tidak berani masuk meminang disebabkan kebanyakan dari - pada kaum lelaki masih tidak mahu memperisterikan seorang wanita yang lebih 'berusia' dari pada mereka juga yang lebih tinggi pelajaran dan kedudukan daripada diri mereka sendiri.[16] Dalam hal ini siapa yang harus dipersalahkan? Namun pada haki- katnya wanita yang terlibat itu sendiri terpaksa meniti usia menuju hari depan yang belum berhaluan.

## 2.3.2 Belanja Kahwin Yang Tinggi

Satu faktor penting yang turut menyulitkan proses perkahwinan adalah adat dan tradisi perkahwinan yang rumit di mana permintaan belanja kahwin yang tinggi daripada pihak perempuan amat membebankan pasangan yang ingin berkahwin.[17]

Bagi seorang lelaki yang ingin berkahwin, beliau perlu menunggu dan mengumpul wang untuk membayar belanja kahwin atau terpaksa bergadai bergolok sekiranya mahu berkahwin lebih awal. Hal ini lebih-lebih lagi dirasakan oleh lelaki yang bergaji kecil dan kurang berkemampuan manakala jumlah belanja kahwin yang diminta pula semakin tinggi. Apa lagi jika wanita tersebut berpendidikan dan berjawatan. Sebahagian ibu bapa pula bermegah dan berlumba untuk meninggikan belanja kahwin anak perempuan mereka walaupun anak gadis mereka terdiri dari kalangan wanita yang tidak berpendidikan dan berjawatan.[18] Walau bagaimanapun dalam hal ini hanya tempat-tempat dan negeri tertentu yang dikenalpasti permintaan belanja kahwin dikenakan terlalu tinggi.

2.3.3 Terlalu Pemilih.

Terdapat sesetengah wanita yang terlalu pemilih untuk mendapatkan calon suami. Apa lagi yang berpendidikan tinggi atau mempunyai pekerjaan. Mereka mahukan lelaki yang setaraf.[19] Ini amat berbeza dengan wanita dahulu di mana kebanyakan perkahwinan diatur oleh ibu bapa. Pilihan ibu bapa selalunya berasaskan kepada akhlak, keagamaan dan kemungkinan bahawa bakal menantu mereka dapat melindungi anaknya pada sebarang keadaan dan tidak sangat berdasarkan atas harta atau kedudukan.[20] Masalah wanita yang terlalu pemilih calon suami bukan sahaja berlaku di kalangan wanita yang berpendidikan tinggi dan berjawatan sahaja tetapi juga berlaku di kalangan wanita yang tidak berpendidikan tinggi dan berjawatan.[21]

Walau bagaimanapun dalam hal memilih jodoh, Islam memang membenarkan kita memilih seorang yang terbaik untuk dikahwini . Seorang yang dipercayai akan membawa keburukan dalam hidup seseorang wanita khususnya terhadap akidah haruslah ditolak. Bagaimanapun kebanyakkan yang berlaku dalam soal memilih jodoh bukan

dari konteks tersebut, tetapi yang lebih ditumpukan ialah soal keewangan atau meterial dan perasaan cinta serta kasih sayang.[22]

2.3.4 Kurang Campurtangan Ibu Bapa Dalam Memilih Jodoh.

Tidak dapat dinafikan bahawa hubungan ibu bapa dan anak-anak kini semakin renggang. Jika dahulu ibu bapa boleh memaksa anak-anak gadis mereka mengahwini lelaki yang dipilih oleh ibu bapa yang tidak mereka kenali, tetapi kini ramai di kalangan ibu bapa tidak mahu mengatur hidup anak-anak mereka malahan membenarkan anak-anak membuat pilihan dan menentukan jodoh sendiri.[23] Ini adalah realiti masyarakat kini yang mungkin disebabkan oleh sistem kehidupan, pendidikan dan persekitaran yang menyebabkan hubungan anak-anak dengan ibu bapa tidak serapat yang sepatutnya hingga ada kalanya ibu bapa tidak boleh berkomunikasi dengan anak-anak.[24]

2.3.5 Kebebasan.

Anak gadis dalam masyarakat tradisional kurang didedah-

kan dengan tabiat bergaul bebas. Mereka kadang-kadang tidak berpeluang langsung untuk menghadiri kenduri kahwin misalnya kecualilah ibu bapa mereka yang menemaninya. Namun demikian jarang kita dengar ada di kalangan mereka yang lambat berkahwin sekalipun mereka tidak pandai bersolek dan bergaya.

Berbeza dengan anak gadis zaman ini. Mereka banyak dipengaruhi dengan budaya asing. Sejak di bangku sekolah tadika lagi mereka diasuh, dididik bergaul dengan kanak-kanak lelaki. Keadaan yang sama berlaku semasa di sekolah rendah, sekolah menengah atau pusat-pusat pengajian tinggi.[25] Pergaulan mereka sudah dibiasakan dengan kaum yang berlainan jantinanya.

Faktor pergaulan bebas ini sebenarnya ada kaitan dengan sebab kenapa ramai anak-anak gadis dan para belia tidak memikirkan untuk mendirikan rumahtangga. Mereka lebih seronok hidup bersendirian dan bebas bergerak ke mana sahaja yang mereka suka.[26] Gelaran anak dara tua tidak sedikit pun menakutkan mereka.

Perempuan yang bebas keluar rumah dan bebas dalam pergaulan akan menimbulkan rasa curiga di kalangan lelaki menyebabkan

mereka berhati-hati memilih wanita sebagai teman hidup. Dalam hal ini peranan ibu bapa memberikan ilmu dan pendidikan kepada anak-anak adalah suatu kewajipan dan tuntutan keagamaan tetapi membiarkan mereka bergerak bebas tanpa batasan adalah amat dilarang.

Mahu tidak mahu haruslah kita kembali kepada nilai-nilai Islam tentang bagaimana harus mengajar dan mendidik anak-anak perempuan terutamanya dan membesarkan mereka dengan pendidikan yang baik, mengenal sifat- sifat yang baik, tahu rasa malu dan dan menghormati orang lain.

### 3.3.6 Penolakan Terhadap Poligami.

Penolakan wanita untuk hidup berpoligami juga menyumbang dalam masalah ini. Ramai wanita ' berusia ' masih tidak sanggup bermadu kerana takut akan timbul berbagai masalah atau digelar perampas suami orang.[28] Malah masalah ini bukan hanya disebabkan mereka mengelakkan diri dari berpoligami, tetapi wanita yang sudah berkahwin sendiri tidak mahu suami mereka berkahwin

lain. Sikap wanita seumpama ini menekan wanita lain walaupun hukum berpoligami ditetapkan oleh Islam untuk kesejahteraan umat jika dilaksanakan seperti mana yang dituntut.[29]

2.3.7 Mampu Berdikari.

Ada kalanya wanita berpelajaran lebih rela tidak berumahtangga dari berkahwin dengan lelaki yang tidak sama taraf pemikiran dengan mereka demi kesejahteraan dan kebahagiaan rumahtangga yang akan dibina kelak. Mereka merasakan tidak begitu memerlukan lelaki dalam kehidupan di sebabkan kedudukan keewangan yang kukuh serta dapat membiayai kehidupan sendiri.[30]

2.3.8 Kecacatan.

Faktor kecacatan tubuh badan juga secara tidak langsung menyebabkan wanita lambat dipinang kerana setiap manusia kebiasaannya mengimpikan sesuatu yang sempurna dalam kehidupan. Namun ketentuan Allah tidak dapat dihalang. Walau bagaimanapun hanya

bilangan kecil sahaja yang terlibat dalam hal ini. Kecacatan di kalangan wanita terlibat mungkin disebabkan kecacatan kejadian secara semulajadi ataupun anggota tidak disempurnakan seperti kemalangan dan sebagainya.

Seorang responden yang ditemui tidak berkahwin sehingga kini akibat kecacatan semulajadi yang menimpa dirinya semenjak kecil. Walaupun beliau lambat dipinang dan berkahwin walaupun pada hakikatnya ia juga mengimpikan sebuah kehidupan berumahtangga seperti orang manusia lain.[37]

### [illegible] Lain-Lain Faktor.

Terdapat juga sebab-sebab lain yang mendorong wanita 'berusia' lambat berkahwin. Contohnya seorang responden menyatakan beliau terkena buatan orang' akibat menolak pinangan seorang lelaki semasa berusia enam belas tahun.[38] Disebabkan masalah ini responden yang terlibat terpaksa menunggu pinangan sehingga kini dalam usia tiga puluh dua tahun tidak ada pinangan yang diterima. Walaupun kita sukar mempercayai adanya ilmu hitam atau

ilmu guna-guna di zaman moden ini, namun pada hakikatnya ia be-benar-benar ujud bagi mereka yang benar-benar mengamal dan mempercayainya.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa sikap wanita yang terlalu pemilih, sistem pendidikan, pekerjaan, permintaan belanje kahwin yang terlalu tinggi, kedudukan wanita yang lebih tinggi daripada lelaki dan faktor-faktor sampingan yang lain menyumbang ke arah timbulnya masalah ramai wanita yang 'berusia' masih tidak berkahwin.

Walau bagaimanapun wanita yang terlibat tidak harus dipersalahkan sepenuhnya sekiranya jalan penyelesaian bersama tidak ditemui.

## NOTA KAKI

1 Fuad Ifram Al Bustani, Munjid At Tullab, cetakan 33. Beirut, Lubnan : Dar Al Mushriq Syam, 1986, hal 835.

2 Muhammad Idris Abdul Rauf Al Marbawi, Kamus Idris Al Marbawi, juzuk 1, cetakan keempat. Bandung : Syarikat Al Maarif (tanpa tarikh), hal 344.

3 Teuku Iskandar (Dr), Kamus Dewan, cetakan kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hal 648.

4 "Per Cent Of Women Ever-Married By Age Group As Reported In Various Studies Since 1947, P. Malaysia", Kuala Lumpur : Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, (tanpa tarikh), hal 12.

5 Buku Tahunan Perangkaan Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia, Jun 1987, hal 1.

6 Ibid. hal 18.

7 "Ramai Wanita Berumur Belum Berkahwin, Apakah Punca Masalah Ini", Majalah Ummi, bil. 7. Shah Alam : Penerbitan Ummah Media Centre, Jun 1989, hal 38.

8 Abd. Jalil Ishak,"Isu Penduduk 70 Juta, Apa Kontroversinya", Dewan Masyarakat, jilid 22, bil 11, November 1984, hal 41.

9 Ibid.

10 Ibid.

11 Mat Daud Haji Harun, "Rebes Menyebabkan Lambat Kahwin", Majalah Dakwah, bil. 148, Julai 1989, hal. 57.

12 Ibid.

13 Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee, Pendidikan di Malaysia (Mengikut Sukatan Pelajaran Baru 1988), cetakan ketiga, Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1989, hal. 143.

14 "Faktor Penyebab Wanita Tak Kahwin Bukan Bahan Jenaka", Al Muslimah, bil. 38, Ogos 1989, hal. 8.

15 Temubual dengan Cik ________________, berusia 35 tahun, seorang guru berijazah di salah sebuah sekolah menengah di Alor Setar, Kedah pada 15.12.1989.

16 Ibid.

17 Temubual dengan Sheikh Azmi Haji Ahmad, Ketua Pendaftar Bahagian Undang-Undang Syarak, Jabatan Agama Islam Kedah pada 22.8.1989.

18 "Ramai Wanita Berumur Belum Berkahwin, Apakah Punca Masalah Ini", Majalah Ummi, op. cit.

19 Temubual dengan Dato' Sheikh Mohd. Yusuf Ismail ( D.S.D.K, B.C.K ), Yang Di pertua Majlis Agama Islam Kedah ( MAIK )

pada 15.9.1989.

20 "Ramai Wanita Berumur Belum Berkahwin, Apakah Punca Masalah Ini", *Majalah Ummi*, op. cit.

21 Temubual dengan Ustaz Abd. Wahab Sakrani Bin Ahmad, Penolong Pengarah Institiut Dakwah Islamiah Malaysia ( INDAH ), Jabatan Perdana Menteri pada 5.9.1989.

22 "Faktor Penyebab Wanita Tak Kahwin Bukan Bahan Jenaka", *Al Muslimah*, op. cit.

23 "Jika Anak-Anak Gadis Tidak Dipinang, Apa Tanggungjawab Ibu bapa", *Majalah Timang*, bil. 15, Januari-Februari 1989, hal. 32.

24 Temubual dengan Ustaz Shafie Bin Khatib Jali, Pegawai Penerangan Kanan Agama, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Perdana Menteri pada 13.9.1989.

25 Mat Daud Haji Harun, "Bebas Menyebabkan Lambat Kahwin", *Majalah Dakwah*, op. cit.

26 Temubual dengan Ustaz Hassan Haji Salleh, Naib Yang Dipertua Persatuan Ulamak Malaysia (PUM) pada 21.10.1989.

27 As Sayid Sabiq, *Fikh Sunnah*, ( terj. Mahyuddin Syaf ), juzuk 6, cetakan kedua. Bandung : Penerbitan PT Al Maarif, 1982, hal. 23.

28 Temubual dengan Sheikh Azmi Haji Ahmad, op. cit.

29 Temubual dengan Ustaz Suhaimi Haji Ahmad, Setiausaha Perhubungan PAS Negeri Kedah pada 22.8.1989.

30 Temubual dengan En. Ahmad Bin Ismail, seorang penduduk Kampung Padang Lalang, Alor Setar Kedah pada 22.8.1989.

31 Temubual dengan Cik ________________, berusia 35 tahun, seorang penduduk Kampung Padang Lalang, Alor Setar, Kedah pada 23.8.1989.

32 Temubual dengan Cik ________________, berusia 32 tahun, berasal dari Negeri Pahang pada 7.1.1989.

# BAB KETIGA

## KESAN-KESAN KAHWIN LAMBAT
## DI KALANGAN WANITA

Bagi kalangan wanita 'berusia' yang lambat berkahwin, pelbagai masalah harus dihadapi walaupun segelintir dari golongan ini mengambil sikap tidak kisah tetapi pada hakikatnya mereka terpaksa menanggung pelbagai masalah dan kesan sampingan sama ada secara sedar dan perlukan penyelesaian secara peribadi mahupun secara tidak sedar yang juga melibatkan masyarakat secara tidak langsung. Antara kesan-kesan yang perlu dihadapi adalah:

### 3.1 Kurangnya produksi generasi

Wanita yang lambat berkahwin secara tidak langsung telah mengurangkan kadar kelahiran generasi baru karana sepertimana yang diketahui masa kesuburan untuk seseorang wanita melahir dan mengembangkan zuriat amatlah terhad pada batas-batas usia dan masa-masa tertentu.

Jangka masa seorang wanita boleh mengandung dan melahirkan anak adalah di antara umur baligh dengan umur putus haid. Biasanya keadaan ini adalah di antara umur 15 hingga 45 (49) tahun. Oleh itu kemampuan dan kesuburan wanita untuk hamil dan melahirkan anak ada-

lah dalam jangkamasa subur iaitu lebih kurang 30 tahun.[1] Kajian-kajian telah membuktikan bahawa kesuburan seseorang wanita amat rendah sebelum berumur 20 tahun dan mula meningkat pada umur 20 tahun ke atas di antara 23 hingga 27 tahun dan selepas 27 tahun mula merosot semula.[2] Dalam tempoh ini sekiranya seseorang wanita belum lagi berkahwin sehingga usia melewati 30 an, waktu untuk melahir dan mengembangkan zuriat atau generasi baru amatlah singkat. Jika hal ini berterusan, matlamat kerajaan untuk meningkatkan jumlah penduduk kepada 70 juta menjelang tahun 2100 akan terbatas.

## 4.2 Kekuatan Pemerintahan

Rentetan daripada kurangnya produksi generasi baru akibat lambatnya berlaku perkahwinan di kalangan wanita yang telah melewati usia juga akan mengurangkan majoriti undi rakyat bagi menentukan pemerintahan negara. Seperti mana yang diketahui, sistem pemerintahan di Malaysia adalah bercorak demokrasi berparlimen yang mengamalkan pemilihan atau penentuan bakal pemimpin negara melalui sistem pilihanraya di mana setiap individu yang mencapai had umur tertentu layak mengundi bagi memilih pemerintah mereka sendiri yang dipercayai boleh diberi mandat bagi memimpin negara.[3]

## 3.3 Tekanan Perasaan atau Sakit Jiwa

Tidak dapat dinafikan bahawa wanita yang lambat berkahwin sedikit sebanyak menghadapi tekanan perasaan. Tekanan-tekanan ini kemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor tertentu seperti :

### 3.3.1 Takut menghadapi usia yang semakin meningkat

Apebila memikirkan usia yang semakin hari semakin meningkat sedangkan dirinya masih belum disunting atau masih belum bertemu jodoh dan kemungkinan saudara mara perempuan yang lain sudahpun berkahwin, secara tidak langsung akan menimbulkan perasaan sedih, risau dan takut meniti usia yang semakin tua.[4] Ini akan menimbulkan tekanan jiwa bagi mereka yang mengalami masalah ini dan boleh membawa kepada masalah yang lebih rumit lagi sekiranya jalan penyelesaian tidak dicari.

### 3.3.2 Pandangan serong masyarakat

Masyarakat ( umumnya masyarakat kampung ) ada yang memandang serong terhadap wanita 'berusia' yang lambat berkahwin walaupun hal ini bukanlah atas kehendak wanita yang terlibat. Sesetengahnya beranggapan mungkin ada sebab-sebab yang buruk telah berlaku ke atas wanita-wanita tersebut menyebabkan mereka tidak

disunting. Dengan tanggapan-tanggapan ini menyebabkan wanita yang terlibat sukar bercampur gaul dan berurusan dengan masyarakat.[5]

Hal ini jarang berlaku di kawasan bandar dengan masyarakatnya yang lebih mementingkan hal dan kehidupan sendiri tanpa mengambil tahu hal orang lain. Bagi wanita yang terlibat dalam kelompok masyarakat ini mereka bebas dengan hal dan masalah sendiri. Walau bagaimanapun sedikit sebanyak tekanan jiwa terpaksa dialami bila mengenangkan diri yang semakin ditelan usia.[6]

3.3.3 Desakan Ibu bapa dan keluarga

Ibu bapa berhak dan mempunyai tanggung jawab ke atas anak gadis sebelum mereka bersuami. Desakan ini mungkin disebabkan calon suami yang dicadang oleh ibu bapa tidak diterima oleh anak gadis mereka.[7] Dengan salah anggapan masyarakat, ditambah pula desakan ibu bapa dan keluarga akan menambahkan lagi tekanan jiwa kepada wanita yang terlibat dan secara tidak langsung mereka terpaksa memendam dan menanggung perasaan sendiri.

3.3.4 Rendah Diri

Kebahagiaan pasangan yang telah berkahwin atau rakan-rakan sebaya dengan keluarga dan pasangan masing-masing akan menimbul-

dan perasaan rendah diri, iri hati dan rasa sedih di kalangan wanita yang belum berkahwin yang juga mengimpikan sebuah rumahtangga yang bahagia.[8]

### [illegible] Kebebasan Seks

Terdapat juga di kalangan wanita yang belum berkahwin lebih senang dengan cara hidup mereka tanpa ikatan perkahwinan dengan mencari kepuasan seks daripada lelaki-lelaki yang boleh memenuhi keinginan nafsu mereka. Kebanyakan daripada golongan ini [illegible] later belakang hidup yang kurang pendidikan agama dan juga kemungkinan dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Tidak dinafikan sesetengah daripada golongan yang terlibat adalah berjawatan tinggi.[9]

Perkara ini secara tidak disedari akan membawa kepada masalah pelacuran yang sukar dikawal ataupun perhubungan jenis luar nikah. Para doktor telah menyatakan bahawa terdapat beberapa jenis penyakit yang biasa dibawa oleh perhubungan jenis ini seperti penyakit siplis dan karang nanah.

Biarpun kemajuan perubatan begitu tinggi, namun penyakit-penyakit seperti ini masih belum berjaya dikawal daripada tersebar meluas dalam masyarakat yang mengamalkannya.

### 2.3.6 Kepuasan Melalui Onani

Ini bermaksud mengeluarkan mani dengan tangan juga dikenali sebagai استمناع dalam bahasa arabnya yang dilakukan oleh mereka yang terlibat untuk memuaskan nafsu syahwat. Melalui cara ini secara tidak langsung mereka akan mencapai kepuasan seks walaupun tanpa perkahwinan.

Dari sudut agama, perbuatan ini amat ditegah dan haram hukumnya di samping ujudnya kesan-kesan sampingan yang kurang baik dan merbahaya kepada kesihatan jasmani dan rohani.[10] Dalam hal ini Rasulullah s.a.w telah memberi amaran terhadap golongan yang berperangai luar biasa ini di dalam sabdanya yang berbunyi.[11]

سبعة لا ينظر الله إليهم يوم القيامة ولا يزكيهم
ويقول ادخلوا النار مع الداخلين الفاعل والمفعول
يعني اللواطة. والناكح يده وناكح البهيمة وناكح
المرأة في دبرها وجامع المرأة وابنتها والزاني
بحليلة جاره والمؤذي جاره حتى يلعنه

Bermaksud:

Tujuh jenis kelakuan manusia yang Allah, jangankan hendak mengampuni, bahkan melihat wajah merekapun Allah tidak hendak dan Allah berfirman: 'Masuklah kamu semua ini ke dalam neraka iaitu orang yang memuaskan nafsu melalui lubang dubur (yang membuat dan memberi), dan orang yang memuaskan nafsu dengan tangannya, dan orang yang melakukan hubungan jenis dengan binatang, suami yang mendubur isteri-

nya dan suami yang bersetubuh dengan isteri dan dengan anak tirinya, dan orang yang berzina untuk membolehkan kawannya kembali kepada bekas isterinya (Cina Buta), dan orang yang selalu menyakiti jirannya hingga jirannya melaknatnya.

Selain daripada mendapat kepuasan seks melalui perhubungan bebas dengan lelaki tanpa perkahwinan, melalui onani, ada juga yang terlibat mengadakan hubungan jenis sesama jantina (lesbianism) yang juga pada mereka yang mengamalkannya boleh mendatangkan kepuasan.

## .4 Kesan-Kesan Sampingan Lain Dari Sudut Kesihatan.

Dari sudut kesihatan juga wanita 'berusia' yang lambat berkahwin sering terdedah dengan pelbagai jangkitan dan penyakit seperti kanser buah dada. Ianya sejenis daripada penyakit-penyakit kanser yang sering menyerang kaum wanita dan boleh mengakibatkan kematian yang pada kebiasaannya melibatkan peringkat umur 30 hingga 55 tahun.[12]

Contoh dari penyakit ini di mana setiap tahun melalui kajian yang dilakukan di United Kingdom, seramai 12,000 wanita mati disebabkan oleh kanser buah dada dan di Amerika Syarikat pula bilangan kes ini melebihi 34,000 orang.[13]

Oleh itu wanita-wanita yang berkahwin dan mengandung anak pertama sebelum berumur 25 tahun akan kurang mendapat kanser ini berbanding dengan wanita- wanita yang melahirkan anak ketika berumur 30 tahun atau lebih.[14]

Memandang kepada masalah ini, wanita-wanita yang terlibat perlulah mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang mereka alami bagi mengelak kemungkinan berlakunya penyakit seperti kanser buah dada ini.

Selain daripada itu pakar perbidanan juga telah bersetuju mengeluarkan kenyataan bahawa wanita yang lambat berkahwin sehingga melewati usia 30 an mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk menerima pelbagai resiko seperti ;[15]

a) dihinggapi kencing manis

b) Kesakitan ketika bersalin

c) Keguguran janin

d) Darah tinggi

e) Kecacatan bayi

f) Benih kurang subur

g) Mandul dan,

h) Ketumbuhan dalam rahim.

Walau bagaimanapun penyakit-penyakit ini boleh dialami oleh sesiapa sahaja dan tidak terbatas ke atas wanita berusia sahaja tetapi kebiasaannya resiko yang tinggi harus dihadapi oleh wanita di persekitaran usia 30 tahun ke atas kerana di waktu usia sebegini kesuburan mulai menurun dan pelbagai penyakit mudah berjangkit sekiranya kurang pengawasan yang rapi terhadap kesihatan.

## NOTA KAKI

1 Nor Laily (Dr.) dan Yusuff Yunus, Kependudukan Dan Pembe - ngunan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982. hal. 147.

2 Ibid.

3 Mohd. Saidin Ishak, Salihuddin Saidin dan Zubaidah Ahmad Ishak, Kenegaraan Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Elman, 1989. hal. 111.

4 Temubual dengan Puan Rokiah Mohd, seorang guru agama di salah sebuah sekolah menengah di Alor Setar pada 15.12.1989.

5 Temubual dengan Cik ________, berusia 34 tahun, se - orang pegawai kerajaan di salah sebuah jabatan kerajaan di Alor Setar, Kedah pada 25.8.1989.

6 Temubual dengan Cik ________, berusia 36 tahun, se - orang pegawai kerajaan di salah sebuah jabatan kerajaan di Kuala Lumpur pada 5.9.1989.

7 Temubual dengan Puan Rokiah Mohd, op. cit.

8 Temubual dengan Cik ________, berusia 37 tahun, kerani di sebuah syarikat penerbitan di Kuala Lumpur pada 6.9.1989.

9 Temubual dengan Ustaz Shafie Khatib Jali, Pegawai Penerangan

Konan Agama di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Perdana Menteri pada 13.9.1989.

10 Temubual dengan Ustaz Hassan Haji Salleh, Naib Yang Dipertua Persatuan Ulamak Malaysia (PUM) pada 21.10.1989.

11 Hadis riwayat At Tabrani.

12 Hamid Arshat (Prof. Dr.), <u>Panduan Wanita</u>, cetakan ketiga. Kuala Lumpur : Penerbitan PENA Sdn. Bhd., November 1986. hal. 72.

13 Ibid.

14 Ibid.

15 Mat Daud Haji Harun, 'Bebas Menyebabkan Lambat Kahwin', <u>Majalah Dakwah</u>, bil. 148, Julai 1989. hal. 38.

# o PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP WANITA ' BERUSIA ' YANG BELUM BERKAHWIN.

## Pendahuluan.

Dalam bab ini, penulis membahagikan pandangan masyarakat umum terhadap masalah wanita ' berusia ' yang belum berkahwin kepada beberapa aspek tertentu, antaranya ialah :

1) Faktor-faktor penyebab wanita ' berusia ' lambat berkahwin.
2) Hubungan wanita terlibat dengan masyarakat.
3) Tanggapan masyarakat terhadap wanita yang belum berkahwin dan kemungkinan berlakunya tekanan perasaan.
4) Pandangan masyarakat terhadap cara penyelesaian masalah wanita ' berusia ' yang lambat berkahwin.

Penulis mendapati pelbagai reaksi hasil jawapan-jawapan

daripada responden melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelbagai kalangan masyarakat termasuklah di kalangan masyarakat kampung, pinggir bandar dan juga masyarakat bandar yang meliputi golongan masyarakat yang bekerja dan juga yang tidak bekerja bagi meninjau pendapat mereka.

Penulis mendapati keseluruhan responden menyatakan bahawa wanita yang berpendidikan tinggi dan berjawatan secara tidak langsung terlibat secara serius dalam masalah ini.

Walau bagaimanapun mereka tidak menafikan golongan wanita yang berpendidikan sederhana, bekerja mahupun yang tidak bekerja juga terlibat dalam masalah ini. Apa yang nyata, masyarakat menganggap wanita yang berpendidikan rendah tidak banyak terlibat. Ini disebabkan mereka tidak terlalu lama bergelut dengan pelajaran dan juga usia hingga ke peringkat persekolahan tinggi yang memaksa mereka bergadai usia demi kepentingan pelajaran seterusnya memikirkan hal pekerjaan.

4.1 Faktor-Faktor Penyebab Wanita 'Berusia' Lambat Berkahwin.

Disebabkan pelbagai faktor penyebab ke arah masalah ini, responden telah membuat banyak pilihan dan jawapan-jawapan yang diberikan adalah pelbagai. Ini boleh dilihat pada jadual di bawah:

| Bil | Faktor Penyebab | Bil. Responden/ Jum. Responden | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Pendidikan dan pekerjaan | 16/20 | 80% |
| 2 | Permintaan belanja kahwin yang tinggi. | 14/20 | 70% |
| 3 | Terlalu bebas. | 8/20 | 40% |
| 4 | Boleh berdikari. | 8/20 | 40% |
| 5 | Terlalu pemilih. | 8/20 | 40% |
| 6 | Bekerja dan membantu keluarga. | 16/20 | 80% |
| 7 | Lain-lain faktor. | 2/20 | 10% |

JADUAL 1
Faktor Penyebab Wanita Lambat Berkahwin

4.1.1 Pendidikan dan Pekerjaan.

Daripada soal selidik yang dibuat didapati kebanyakan

responden mengaitkan faktor pendidikan dan pekerjaan adalah punca utama yang menyebabkan wanita berusia lambat berkahwin. Seperti mana yang diketahui kebanyakan golongan wanita ini lebih mengutamakan hal pendidikan dan masalah pekerjaan sebelum memikirkan masalah lain.

4.1.2 Bekerja dan Membantu Keluarga.

Tanggung-jawab anak-anak terhadap ibu bapa dan keluarga tiada batasannya kecuali bagi seseorang wanita setelah berkahwin setiap pekerjaan, perlakuan dan tindakannya berasaskan keizinan suami.

Bagi wanita atau anak-anak gadis yang bertanggung-jawab, setelah bekerja mereka terpaksa memikirkan tanggung-jawab dan bantuan yang perlu dihulurkan kepada ibu bapa dan keluarga terutamanya ibu bapa yang kurang berkemampuan.

Dalam hal ini penulis mendapati 80 peratus daripada responden bersetuju terhadap faktor tanggung-jawab wanita terutama-

nya yang bekerja bagi membantu keluarga menyebabkan mereka melewatkan fikiran terhadap masalah perkahwinan.

Tanggung-jawab wanita-wanita ini selain daripada membantu keluarga yang kurang berkemampuan, kemungkinan juga disebabkan ramai bilangan ahli keluarga, terpaksa menjaga dan menumpukan perhatian terhadap ibu bapa yang telah tua dan ini ditambah pula sekiranya wanita yang terlibat merupakan anak sulung dalam keluarga yang mana dirasakan tanggung-jawab yang besar terbeban di atas bahu mereka. Akibatnya masalah perkahwinan dikebelakangkan dan difikirkan kemudian.

### 4.1.3 Terlalu Pemilih.

Faktor terlalu pemilih di kalangan wanita juga menyumbang ke arah lambatnya berlaku perkahwinan. Penulis mendapati 40 peratus daripada responden mengakui hakikat ini. Bagi mereka faktor ini bukan hanya wanita-wanita terlibat sahaja yang terlalu memilih status dan pekerjaan bakal suami agar setaraf dengan kedudukan mereka, malahan ibu bapa dan keluarga yang terlalu pemi-

lih juga menyebabkan masalah ini bertambah rumit. Keluarga yang berkedudukan lebih cenderung memilih taraf pekerjaan dan kekayaan bakal suami daripada memikirkan kebahagian yang bakal dikecapi oleh anak-anak mereka kerana kebiasaannya mereka berpendapat kekayaan boleh memberikan segala-galanya.

Seorang penulis menyatakan:

> " Tidak memilih langsung dalam mencari pasangan hidup adalah merbahaya, tetapi terlalu cerewet meilih juga mendatangkan bahaya kerana setiap orang mempunyai kelebihan dan kekurangan sendiri ".1

### 4.1.4 Terlalu Bebas.

Penulis juga mendapati 40 peratus responden di kalangan masyarakat menyakini bahawa kebebasan di kalangan wanita juga menyumbang ke arah lambatnya wanita dipinang dan berkahwin. Bakal suami akan mempertikaikan kebebasan terutamanya wanita yang bakal menjadi isterinya bebas dalam pergaulan dan tindakan serta sering bertukar pasangan atau teman lelaki kerana pada mereka hakikat kebebasan yang keterlaluan adalah tidak sesuai bagi seorang wanita dan bersalahan dengan sifat-sifat ketimuran di mana

anak-anak gadisnya berhemah tinggi, bersikap lemah-lembut dan bersopan. Bagi penulis kebebasan seseorang wanita hendaklah terbatas pada had-had yang dibenarkan.

4.1.5 Boleh Berdikari.

Seperti mana yang tertera di dalam jadual 1, didapati 40 peratus di kalangan responden menyatakan pendapat mereka bahawa faktor wanita 'berusia' tidak ingin berkahwin akibat mampu berdikari dan mencuba hidup sendiri tanpa sokongan seorang lelaki atau suami di sisi. Golongan wanita ini pada mereka kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan yang berpendidikan dan berjawatan tinggi dengan mempunyai segala kemudahan asas seperti rumah, kenderaan dan lain-lain harta-benda dan juga terdiri daripada kalangan wanita yang beringat tentang masa depan.

4.1.6 Permintaan Belanja Kahwin Yang Tinggi.

Kebanyakan responden menyetujui hakikat permintaan belanja kahwin yang tinggi secara tidak langsung menyebabkan wanita

lambat dipinang seterusnya mendirikan rumah-tangga. Daripada soal selidik yang dibuat, didapati 70 peratus daripada responden bersetuju dengan faktor ini yang mana pada mereka merupakan salah satu penyebab utama.

Walau bagaimanapun responden menyatakan hanya tempat-tempat dan negeri tertentu sahaja hal ini berlaku misalnya di negeri Kedah di mana faktor ini amat memberatkan pihak lelaki untuk membuat persiapan ke arah perkahwinan.

4.1.7 Lain-Lain Faktor.

10 peratus daripada responden menyatakan bukan hanya faktor-faktor penyebab yang telah disebut sahaja menyumbang ke arah lambatnya wanita 'berusia' berkahwin, pada mereka kemungkinan faktor- faktor kecacatan, terkena ilmu hitam atau perbuatan jahat daripada pihak-pihak tertentu dan kemungkinan wanita-wanita berkenaan telah melakukan perbuatan sumbang sebelum berkahwin juga mendorong mereka lambat mendapat jodoh.

Responden juga tidak menafikan bahawa masalah 'berat jodoh' di kalangan sesetengah wanita juga menyebabkan mereka lambat berkahwin, masalah ini adalah ketetapan Ilahi namun kaum wanita tidak harus berserah kepada takdir semata-mata tanpa berusaha mengatasinya.

## 4.2 Hubungan Wanita Terlibat Dengan Masyarakat.

| Bil | Hubungan dgn. masyarakat | Jumlah Resp. | Kawasan Kediaman | Peratus |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Baik. | 6 | Kampung dan Pinggir Bandar | 30% |
| 2 | Sederhana. | 6 | | 30% |
| 3 | Kurang baik. | 6 | Bandar | 30% |
| 4 | Tidak ada hubungan. | 2 | Bandar | 10% |
| | Jumlah | 20 | | 100% |

JADUAL 2

Hasil kajian penulis terhadap jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden, didapati pandangan masyarakat terhadap hubungan wanita yang terlibat dalam masalah ini dengan masyarakat

sekitar adalah berbeza-beza. Bagi penulis pandangan yang diberikan secara tidak langsung adalah dipengaruhi oleh latar belakang kehidupan responden sendiri.

Apabila dilihat kepada jadual yang tertera, didapati 30 peratus daripada responden di kalangan masyarakat kampung dan pinggir bandar mengakui hubungan wanita yang terlibat dalam masalah ini dengan masyarakat sekitar adalah baik dan hubungan yang sederhana berlaku mengikut suasana dan dalam keadaan-keadaan tertentu. Misalnya hubungan dengan masyarakat yang melibatkan selain dari soal-soal yang menyentuh hal peribadi seperti mana dalam majlis-majlis perkahwinan misalnya wanita-wanita yang terlibat tidak akan melibatkan diri. Dalam keadaan-keadaan lain golongan wanita ini sering membantu dan mencampuri masyarakat.

Bagi responden di kalangan masyarakat bandar pula, 30 peratus daripada mereka mengakui ujudnya hubungan kurang baik antara mereka dengan wanita-wanita yang terlibat. Walau bagaimanapun sememangnya dialkui kebanyakan warga kota ini hidup dengan hal keadaan sendiri tanpa ingin mengetahui dan menjaga perihal masyara-

kat sekeliling walaupun tidak semua mereka berkeadaan begini.

Namun begitu sebilangan kecil sahaja daripada kalangan masyarakat bandar menyatakan dan mengakui bahawa tidak ujud langsung hubungan antara mereka dengan golongan wanita yang terlibat mahupun masyarakat sekeliling kerana masing-masing dengan hal sendiri.

## 4.7 Tanggapan Masyarakat Terhadap Wanita 'Berusia' Yang Belum Berkahwin.

Dalam kehidupan bermasyarakat, secara adatnya setiap perbuatan dan tindakan kita tidak akan terlepas daripada perhatian dan penilaian masyarakat sekitar. Secara tidak langsung hal ini membuatkan kita terpaksa berfikir sebelum sesuatu tindakan dilakukan, walaupun hal-hal itu pada kita suatu kebaikan kerana penilaian setiap orang tidak sama antara satu sama lain dan kebiasaannya sedaya upaya akan cuba mencari kesalahan dan kekurangan orang lain serta cuba menonjolkan kelebihan sendiri.

Dalam masalah yang diperbincangkan, apabila diselidiki pandangan masyarakat terhadap golongan wanita yang terlibat, kebanyakkannya mengakui mereka tidak membuat tanggapan buruk terhadap wanita-wanita ini kerana mereka menyakini bahawa keadaan yang berlaku bukan dipinta dan bukan atas kerelaan wanita-wanita tersebut.

Walau bagaimanapun mereka mengakui ada di kalangan masya-

rakat yang beranggapan 'negatif' terhadap wanita berusia yang lambat berkahwin. Ini mungkin akibat daripada sikap wanita itu sendiri dari sudut perlakuan, cara pergaulan, pakaian dan lain-lain yang sememangnya patut disalahkan.

Ada kalanya sindiran-sindiran sinis seperti gelaran 'anak dara tua', 'anak dara tidak laku', 'mieng' dan sebagainya dilemparkan. Sesetengah masyarakat mencemuh dengan tujuan menyakiti dan memberi peringatan kerana dibimbangi kalau-kalau wanita ini akan menggoda dan merampas suami dan kebahagiaan rumah-tangga mereka.

Bagi ibu bapa wanita-wanita yang terlibat juga terpaksa menahan telinga menerima hakikat dan kenyataan hidup anak-anak gadis mereka yang belum berkahwin dan sedaya upaya mencari jalan penyelesaian.

Responden juga menyatakan, ada di kalangan wanita 'berusia' berhijrah mencari pekerjaan di bandar-bandar bagi mengelakkan diri daripada cemuhan dan pandangan serong masyarakat setempat di mana

kendaan ini tidak berlaku di kawasan bandar jika dibandingkan dengan suasana hidup di kampung.

Sesetengahnya terpaksa bekerja di kilang-kilang perindustrian yang banyak terdapat di persekitaran bandar yang memerlukan ramai tenaga kerja di kalangan kaum wanita. Wanita -wanita yang bekerja di kilang-kilang ini lebih dikenali dengan jolokan " minah kilang " yang juga terpaksa menerima tanggapan kebanyakan daripada masyarakat yang memandang rendah terhadap pekerjaan mereka walaupun tidak semua pekerja kilang berkelakuan rendah dan tidak berakhlak.

Bagi masyarakat kampung, pekerja kilang sukar diterima sebagai calon menantu dan mereka lebih rela memilih wanita biasa yang tidak bekerja. Tanggapan begini sukar dihapuskan daripada pemikiran masyarakat yang sememangnya tertanam sejak zaman-berzaman.

**4.3.1 Pandangan Masyarakat Terhadap Kemungkinan Berlakunya Tekanan Perasaan Di Kalangan Wanita Yang Belum Berkahwin.**

| Punca-punca tekanan | Jum. resp. | Peratus |
|---|---|---|
| 1. Rasa rendah diri | 20/20 | 100% |
| 2. Tekanan ibu bapa | 6/20 | 30% |
| 3. Sindiran masyarakat | 8/20 | 40% |
| 4. Sebab-sebab lain | 5/20 | 25% |

**JADUAL 3**

Keseluruhan responden mengakui bahawa wanita 'berusia' yang belum berkahwin mengalami tekanan perasaan atau sakit jiwa. Ini disebabkan sifat semula jadi wanita memerlukan perhatian, belaian dan kasih sayang seorang suami atau teman hidup walaupun ada di kalangan wanita terbabit menafikannya dengan alasan mereka lebih bebas tanpa sebarang kongkongan dan sekatan.

Namun demikian pendapat responden di kalangan masyarakat berbeza-beza dalam membicarakan akibat yang menyebabkan mereka

mengalami tekanan perasaan, antaranya ialah ;

4.3.1.1 Rasa Rendah Diri

Keseluruhan responden mengakui hakikat wanita yang terlibat dalam masalah ini amat mudah tersinggung akibat perasaan rendah diri. Mungkin lain maksud percakapan yang dibualkan, lain pula fahaman mereka. Hal ini mungkin disebabkan setiap perwatakan mereka sering dinilai dan disalah ertikan oleh orang lain.

4.3.1.2 Tekanan Ibu bapa

Apabila diteliti pada jadual yang dilakarkan, hanya 30 peratus daripada responden menyatakan kemungkinan berlaku tekanan perasaan akibat desakan ibu bapa untuk melihat anak gadis mereka segera berkahwin. Akibat desakan ini secara tidak langsung mereka terpaksa memikirkan perkara tersebut. Bagi wanita 'berusia' yang tinggal bersama ibu bapa, hal ini lebih dirasakan berbanding dengan wanita bekerja dan tinggal berasingan daripada keluarga. Walau bagaimanapun kebanyakan ibu bapa memahami keadaan yang ber-

laku dan tidak akan mendesak tanpa sebab-sebab tertentu.

4.3.1.3 Sindiran Masyarakat

Penulis mendapati 40 peratus di kalangan responden menyetujui bahawa ada di kalangan masyarakat melemparkan sindiran dan pandangan sinis terhadap wanita 'berusia' yang belum berkahwin.

Hal ini pada mereka kerap berlaku di kalangan masyarakat kampung jika dibandingkan dengan masyarakat bandar. Sesetengah masyarakat kampung, jika ada wanita 'berusia' yang masih belum berkahwin tanpa sebab-sebab yang nyata, pada mereka tentu ada sesuatu yang tidak 'sihat' berlaku. Akibatnya wanita-wanita ini secara tidak langsung tertekan perasaan mereka.

4.3.1.4 Sebab-Sebab Lain

Ada di kalangan responden menyatakan wanita yang terbabit juga mengalami tekanan perasaan disebabkan hal-hal lain yang hanya dimengertikan oleh wanita terlibat itu sendiri. Akibatnya

mereka terpaksa memendam dan mencari penyelesaian serta mengalami tekanan perasaan sendiri.

Mereka juga mungkin mengalami tekanan jiwa akibat desakan nafsu seks. Allah s.a.w telah menjadikan manusia dengan bekalan-bekalan keperluan utama berupa keperluan-keperluan jasmani dan rohani. Keperluan-keperluan ini mesti dipenuhi, kalau tidak akan membawa kemudharatan dan di antara keperluan-keperluan tersebut termasuklah tuntutan seks.

Mungkin setengah-setengah orang dapat mengurangkan hawa nafsunya melalui cara-cara menjauhkan diri daripada suasana-suasana yang membangkitkan hawa nafsu atau mengurangkan zat-zat makanan yang menambahkan nafsu atau juga melalui amalan berpuasa. Tetapi perkahwinan adalah jalan paling selamat dan terjamin. Masalahnya wanita-wanita yang terlibat dalam masalah ini tidak disunting untuk mendirikan rumah tangga.

## 4.4 Pandangan Masyarakat Terhadap Penyelesaian Masalah Wanita Berusia Yang Lambat Berkahwin.

"jodoh Tidak Ke mana', lambat laun akan tiba jua masanya". Kata-kata ini secara tidak langsung dapat mengurangkan perasaan risau dan bimbang terhadap wanita terlibat yang belum mendapat jodoh.

Walau bagaimanapun apakah mereka harus berserah kepada jodoh dan takdir semata-mata tanpa berusaha mengatasinya dengan jalan dan usaha-usaha tertentu kerana setiap permasalahan ada jalan penyelesaiannya dan setiap usaha yang dilakukan ada hasilnya seperti mana pepatah arab ada menyatakan:

من جد وجد

" Sesiapa Yang berusaha akan memperolehi kejayaan "

Dalam meninjau pandangan masyarakat terhadap cara penyelesaian terhadap masalah wanita 'berusia' yang lambat berkahwin, sebahagian daripada mereka menyetujui cara penyelesaian malalui poligami dan sebahagiannya pula bersetuju dengan agensi cari jodoh. Kenyataan ini dapat dilihat melalui jadual yang di lakarkan.

| Cara penyelesaian | Jantina | | Peratus | | Jumlah % |
|---|---|---|---|---|---|
| | wanita | lelaki | wanita | lelaki | |
| melalui poligami | 4 | 6 | 20% | 30% | 50% |
| agensi cari jodoh | 5 | 5 | 25% | 25% | 50% |
| jumlah responden | 20 orang | | | | 100% |

JADUAL 4

### 4.4.1 Penyelesaian Melalui Poligami

Melalui jadual di atas, didapati setengah daripada responden di kalangan masyarakat bersetuju dengan cara penyelesaian melalui poligami. Walau bagaimanapun 20 peratus responden di kalangan wanita dan 30 peratus daripada kalangan lelaki menyetujui penyelesaian melalui cara ini sekiranya ia benar-benar dijalankan mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh Islam.

Sesungguhnya banyak kebaikan dan kemuslihatan jika amalan poligami diikuti sebagai mana yang diatur oleh agama Islam. Kebaikan ini dapat menafikan tuduhan yang mengatakan bahawa amalan poligami bertentangan dengan kemajuan umum masyarakat yang ber -

adab dan berkebudayaan serta boleh menjejas kebahagiaan rumah tangga isteri pertama. Wanita 'berusia' yang terlibat dalam masalah ini dapat menjadi anggota keluarga baru dengan jalan terhormat melalui perkahwinan yang sah dan masalah-masalah sampingan yang kemungkinan akan berlaku seperti pelacuran, zira dan hal - hal lain yang bertentangan dengan moral dapat dikurangkan secara berkesan.

Responden mengakui bahawa hakikat poligami pada asalnya adalah baik tetapi kebanyakkannya yang berlaku pada hari ini cuba mengambil kesempatan dan mencari peluang ke atas wanita yang terlibat. Akibatnya hal ini ditentang hebat oleh isteri-isteri pertama yang tidak mahu dikongsi kebahagiaan rumah tangga mereka dengan wanita lain tanpa memikirkan rasa simpati untuk menolong kaum sejenis. Kenyataan ini boleh dilihat daripada jumlah responden wanita dikalangan masyarakat yang agak keberatan menyetujui cara penyelesaian melalui amalan poligami.

### 4.4.2 Penyelesaian Melalui Agensi Cari Jodoh

Apabila ditinjau pandangan masyarakat mengenai agensi cari jodoh sebagai jalan penyelesaian terhadap masalah ini, didapati separuh daripada responden menyetujuinya sekiranya agensi-agensi cari jodoh yang ujud benar-benar ingin menolong wanita yang terlibat

tanpa mengambil kesempatan tertentu.

Agensi-agensi ini perlulah berdaftar dan pihak berkuasa perlu mengawasi perkhidmatan agensi-agensi ini bagi mempastikan agar ianya memberi perkhidmatan melalui jalan-jalan yang dibenarkan dan bukan cuba 'meneguk di air keruh'.

Walau bagaimanapun responden mempertikaikan keujudan agensi-agensi ini hanya di bandar-bandar tertentu tetapi jika cara ini merupakan jalan penyelesaian yang mendatangkan kebaikan, ianya perlulah diujudkan di setiap tempat yang dikenalpasti ujudnya masalah ramainya wanita 'berusia' yang memerlukan bantuan.

Ada di kalangan responden mempertikaikan keujudan agensi-agensi seperti ini hanya untuk mencari keuntungan . Kebanyakan agensi-agensi dimiliki oleh non-muslim dengan perkhidmatan yang bertentangan dengan Islam.[2] Ada di kalangan wanita 'berusia' yang beragama Islam dipertemukan dengan pasangan lelaki dari luar negara yang bukan beragama Islam yang berada yang mana kebanyakkan daripada lelaki ini amat berminat dengan sifat gadis-gadis timur yang terkenal dengan sifat pelembut, bersopan dan taat kepada suami.

Dalam hal ini mungkin cara penyelesaian ditemui dan per-

Tujuan mengenai fahaman anutan disepakati tetapi persoalannya mampukah wanita-wanita ini membawa dan mendorong suami-suami [illegible] ke arah kebaikan dan ajaran agama Islam itu sendiri? [illegible] kita apa yang lebih dipentingkan, mengadakan ajaran agama atau [illegible] penyelesaian melalui jalan singkat. Bagaimanapun cara penyelesaian seperti ini boleh diterima sekiranya ia benar-benar dijalankan mengikut jalan-jalan yang berasaskan lunas-lunas kepercayaan agama, fahaman dan undang-undang sesuatu masyarakat tertentu sekiranya tidak ada cara penyelesaian yang lain.

[illegible]

NOTA KAKI

1. M. Azamuddin Jusoff, Panduan Gadis, cetakan 1. Kuala Lumpur : Pena Azam Enterprise, 1987, hal 31.

2. Temubual dengan Ustaz Shafie Bin Khatib Jali, Pegawai Penerangan Kanan Agama, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ( LPPKN ), Jabatan Perdana Menteri pada 15.9.1989.

# BAB KELIMA

## SARANAN DAN CADANGAN

Masalah yang dihadapi oleh wanita ' berusia ' yang belum menemui jodoh dan berkahwin bukan hanya masalah peribadi wanita yang terlibat itu sediri, malahan sedikit sebanyak dirasakan mendatangkan kesan kepada semua pihak yang melihat perkara ini dengan perasaan dan dasar kemanusiaan kerana jika dibiarkan pelbagai kemungkinan pastinya berlaku.

Hasil daripada penelitian penulis terhadap masalah ini, penulis merasakan perlu untuk memberi sumbangan berbentuk cadangan dan saranan dalam usaha untuk memperbaiki dan cuba mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang sedia ada. Namun begitu cadangan-cadangan ini bukanlah merupakan suatu cadangan yang terbaik tetapi wajar dititik-beratkan dan dikaji semula terutama oleh wanita-wanita ' berusia ' yang terlibat juga ibu bapa dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung. Di antara cadangan-cadangan tersebut ialah :

1) Memberi Kefahaman Tentang Kepentingan Perkahwinan.

Sistem pendidikan formal yang berada di bawah Kementerian Pendidikan mestilah memasukkan semua aspek pendidikan agama Islam termasuklah bab perkahwinan di dalam sukatan pelajaran secara mendalam.

Sukatan pelajaran agama Islam ini perlulah didedahkan sejak peringkat pendidikan menengah rendah lagi hinggalah ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi agar kefahaman mereka terhadap masalah ini dan semua permasalahan agama Islam difahami secara lebih mendalam.

Secara tidak langsung mereka dapat memahami sistem perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam dan menganggapnya sebagai suatu tuntutan yang penting untuk diri mahupun agama. Dengan ini juga apabila sampai masanya ke arah perkahwinan, kefahaman yang sedia ada dapat menolong mereka melaksanakan tuntutan yang dikehendaki dan mengelakkan perkara-perkara yang ditegah.

2) Campurtangan Ibu bapa.

Apabila dikaji dan diteliti hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang berkaitan dengan kewajipan ibu bapa terhadap anak-anak, maka ui amak telah menggariskan banyak tanggungjawab, antaranya adalah memilih isteri yang solehah atau suami yang baik untuk anak-anak.

Dalam hal ini dapatlah difahami bahawa ibu bapa yang mempunyai anak-anak gadis atau anak lelaki perlu bertanggungjawab memilih jodoh yang sesuai untuk anak-anak mereka tanpa berlepas tangan menyerahkan hal mencari pasangan hidup secara langsung ke atas bahu anak-anak gadis terutamanya. Ini adalah kerana kebahagiaan anak-anak juga mencerminkan kebahagian ibu bapa dan keluarga.

Walaupun di zaman moden ini, hak kebebasan anak-anak di dalam semua hal diberikan namun ada batasannya. Dalam soal memilih jodoh, di samping memberi keizinan kepada anak-anak gadis terutamanya bebas memilih pasangan hidup sendiri, bagi penulis

ibu bapa tidak harus berlepas tangan sepenuhnya.

Sekiranya anak-anak gadis telah menyelesaikan pengajian dan berjawatan, ibu bapa tidak harus menunggu pinangan, malah perlu berusaha dan berikhtiar meninjau kalau-kalau ada jodoh yang sesuai seterusnya mencari jalan penyelesaian.

Oleh itu adalah menjadi tanggung jawab ibu bapa berusaha memilih bakal suami anak-anak perempuan mereka dari kalangan lelaki yang baik, beragama dan berakhlak tinggi. Sifat-sifat ini mestilah dijadikan sifat asasi di dalam memilih bakal-bakal suami untuk anak-anak sebelum dilihat dan dipilih pada sudut harta serta pangkat kedudukannya. Lelaki yang miskin tetapi berakhlak mulia pada Islam adalah seorang yang kaya, sebaliknya lelaki yang fasiq walaupun kaya, namun pada hakikatnya adalah miskin. Ini adalah kerana kefasikan hidup akan melesapkan harta kekayaan melalui meja-meja judi, minuman keras, rumah-rumah urut dan kelab-kelab malam. Kesihatan juga akan terganggu, otak dan daya fikiran juga akan turut musnah dan hak-hak isteri akan hilang.

Kesan yang timbul dari salah pilih ini bukan sahaja mero-

…akkan kehidupan suami isteri, malah turut berkesan pula pada kehidupan dan kesihatan anak-anak seterusnya keturunan yang akan dilahirkan.

3) Menawarkan Diri.

Bagi penulis juga dalam mengatasi masalah wanita kahwin lambat ini, usaha-usaha wanita menawarkan diri kepada lelaki-lelaki yang baik samaada dibuat secara langsung ataupun tidak tanpa menjatuhkan maruah wanita perlulah dilakukan.

Usaha seperti 'perigi mencari timba' ini masih janggal dan enggan dilakukan oleh kebanyakan wanita. Walau bagaimanapun perkara ini bukanlah sesuatu yang mustahil dan tidak bersalahan di sisi agama Islam, malahan perkara ini pernah dilakukan oleh Siti Khadijah untuk mempersuamikan Rasulullah s.a.w dan para sahabiyyah di zaman dahulu.

Suatu kisah telah berlaku di masa Rasulullah s.a.w di mana seorang wanita telah menawarkan dirinya kepada Rasulullah

lalu disambut oleh seorang sahabat dengan katanya 'Alangkah buruknya', Rasulullah s.a.w lalu berkata 'Dia lebih baik daripada kamu'.

Bukan sekadar anak-anak gadis sahaja yang perlu menyerahkan diri kepada lelaki yang baik dan difikirkan sesuai dengan diri mereka malahan ibu bapa perlu berperanan penting dalam hal ini.

Islam menyeru agar ibu bapa membuat tawaran anak-anak perempuan mereka kepada lelaki yang dianggap baik dan bertaqwa. Rasulullah s.a.w sendiri pernah menawarkan anak perempuannya Saidatina Fatimah Al Zahra' kepada Saidina Ali R.A, Saidina Umar Al Khattab pula menawarkan anak perempuannya kepada saidina Usman dan Saidina Abu Bakar Al Siddiq menawarkan Aisyah kepada Rasulullah s.a.w. Hal-hal seumpama ini sebenarnya bukanlah suatu keaiban, malahan sesuatu yang disyarakkan.

4) Poligami

Pada zaman Rasulullah s.a.w dahulu, hukum poligami dapat menyelesaikan masalah janda-janda yang kehilangan suami di medan peperangan.

Bagi penulis, jika hukum ini dipraktikkan kini dan dilaksanakan mengikut syarat-syarat berpoligami yang ditetapkan oleh Islam untuk membantu wanita 'berusia' yang lambat berkahwin secara ikhlas, besar kemungkinan masalah ini dapat dikurangkan .

Wanita-wanita yang sudah berkahwin pula janganlah menanam anggapan-anggapan yang buruk terhadap wanita yang mungkin akan berkahwin dengan suami mereka, malahan wanita-wanita ini bukanlah perampas seperti yang dianggapkan dan hukum poligami yang telah ditetapkan oleh Islam adalah untuk kesejahteraan umat dan bukan sebagai satu bencana.

5) Melalui Cara Jamaah.

Pada masa kini ada terdapat jamaah Islam mengamalkan sistem tradisional dalam institusi perkahwinan. Muslim dan muslimah dijodohkan di atas pertimbangan agama dan kesesuaian dengan sesuatu jamaah berkenaan. Halini telah lama diamalkan oleh jamaah Al Arqam misalnya. Walau bagaimanapun jamaah-jamaah Islam lain juga ada yang mengamalkan perkara ini.

Dalam institusi perkahwinan ini, bukan sahaja jodoh ditetapkan untuk wanita, tetapi mereka diberi pilihan menilai dan membuat keputusan untuk menerimanya ataupun tidak. Malah satu suasana mengikut adab Islam juga diwujudkan bagi membuka peluang kepada mereka untuk saling mengenali.

Bagi penulis, melalui cara ini secara tidak langsung dapat juga mengatasi masalah kahwin lambat di kalangan wanita ' berusia '. Yang pentingnya wanita yang terlibat janganlah terlalu pemilih untuk mencari pasangan yang terlalu sempurna asalkan bersesuaian dan memenuhi syarat-syarat yang dituntut oleh agama perlulah diutamakan.

c) Mengurangkan Permintaan Belanja Kahwin Yang Tinggi.

Bagi tempat-tempat yang mana permintaan belanja kahwin - nya terlalu tinggi, penulis [illegible] dan menilainya semula sekiranya mereka tidak ingin melihat anak gadis mereka bergadai usia dan menjeruk perasaan demi menagih belanja kahwin yang tinggi.

Seperti mana yang dimaklumi, permintaan belanja kahwin yang tinggi amat membebankan pihak lelaki dan mereka terpaksa berfikir sebelum membuat lamaran. Apa salahnya dalam hal ini keluarga pihak perempuan bertolak ansur mengenakan belanja kahwin yang berpatutan, tidak terlalu rendah sehingga boleh menjatuhkan martabat wanita dan jangan terlalu tinggi hingga terlalu membebankan pihak lelaki kerana mengikut adat setempat dan ingin mendapat perhatian di mata masyarakat dengan tingginya belanja kahwin anak gadis mereka.

Jika hal ini dilaksanakan, kemungkinan masalah wanita lambat berkahwin disebabkan belanja kahwin yang tinggi dapat diatasi seterusnya mendorang kaum lelaki segera meminang dan ber -

kahwin.

Sekiranya masalah permintaan belanja kahwin yang tinggi ini sukar diatasi dan meningkat dari masa ke semasa, bagi penulis pihak-pihak tertentu seperti Jabatan agama Islam dapat menyela - raskan dan menetapkan kadar yang bersesuaian agar tuntutan da - lam masalah ini dapat diatasi.

2) Mengenakan Hukuman Yang Berat.

Bagi penulis juga, untuk mengurangkan jumlah ramai gadis dan teruna ' terlajak ' membujang, pihak-pihak berkuasa perlulah menaikkan kadar denda kesalahan seperti berdua-duaan , melakukan zina, rogol, bersekedudukan tanpa nikah dan lain-lain kesalahan seumpamanya dengan mengenakan hukuman yang seberat mungkin. Dengan hukuman yang berat tentunya mereka berfikir panjang sebelum melakukan kerja- kerja terkutuk itu dan secara tidak langsung mereka memikirkan kepentingan perkahwinan.

3) Mengawal Kebebasan.

Ibu bapa perlu mengubah sikap daripada membiarkan anak-anak gadis bergaul bebas dengan teman lelaki maupun dalam kehidupan seharian kepada beberapa sekatan.

Membiarkan mereka bergerak bebas sesuka hati tanpa batasan adalah sesuatu yang dilarang oleh agama. Kaum wanita terutamanya perlu dikenakan peraturan-peraturan hidup yang semestinya sesuai dengan fitrah kejadiannya.

Sekiranya ibu bapa mengatur hidup anak-anak gadis secara berperaturan, berdisiplin juga dengan pendidikan agama yang mencukupi, penulis menyakini peribadi anak-anak gadis mereka akan terkawal. Secara tidak langsung mereka akan mendapat tempat di hati kaum lelaki dan permasalahan kaum wanita yang lambat disunting kemungkinan dapat diatasi.

e) Agensi Cari Jodoh.

Penulis merasakan, melalui perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi cari jodoh juga dapat membantu penyelesaian masalah wanita ' berusia ' yang belum berkahwin sekiranya agensi-

agensi ini menjalankan perkhidmatan melalui jalan-jalan yang dibenarkan.

Namun begitu perkhidmatan agensi-agensi ini perlulah diuruskan di bawah satu badan tertentu agar wanita-wanita yang memerlukan perkhidmatan mereka tidak diperalatkan untuk kepentingan dan keuntungan mereka semata-mata. Agensi-agensi ini juga perlulah didaftarkan di bawah sesuatu badan khas dengan menjalankan perkhidmatan melalui prosedur-prosedur yang dibenarkan dan ditetapkan.

(2) Unit Kaunseling.

Keujudan unit-unit kaunseling di beberapa jabatan kerajaan misalnya di Jabatan Agama Islam khusus membicarakan permasalahan berhubung kait dengan masalah keleluargaan secara tidak langsung dapat membantu mengatasi tekanan perasaan atau sakit jika di kalangan wanita yang terlibat dalam masalah ini.

Bagi wanita yang mengalami tekanan jiwa hingga boleh mengakibatkan kemungkinan tindakan-tindakan tidak rasional dilakukan,

Adanya perkhidmatan nasihat ini dapat menghulurkan bantuan melalui nasihat dan bimbingan bagi mengatasi permasalahan mereka dari masa ke semasa.

Bagi penulis, jika hal ini boleh membantu wanita-wanita yang terlibat, unit kaunseling sebegini perlulah diadakan di setiap negeri atau tempat yang dikenal pasti adanya permasalahan seperti yang diperbincangkan seperti mana juga unit kaunseling yang telah sedia ada di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ( LPPKN ) khusus membicarakan permasalahan yang berkaitan dengan masalah kekeluargaan  termasuklah hal-hal seperti yang dialami oleh wanita yang terlibat dalam masalah lambat mendapat jodoh yang mengalami tekanan perasaan dan lain-lain masalah yang berkaitan.

Pertubuhan- pertubuhan wanita yang ujud pada masa ini tidak harus memandang ringan terhadap permasalahan ini. Jalan penyelesaian haruslah dicari, misalnya menyediakan perkhidmatan biro mencari jodoh secara sukarela dengan pasangan-pasangan yang di kira sesuai.

Program-program yang lebih bermanfaat perlulah lebih kerap diadakan dan mengalakkan wanita ' berusia ' menganggotai persatuan tersebut. Dengan ini setiap masa lapang mereka terisi dengan program-program yang berfaedah dan wanita-wanita ini tidaklah terlalu memikirkan masalah mereka dan terjerumus dengan perasaan sendiri.

ii) Persatuan.

Penulis juga merasakan wanita-wanita ' berusia ' yang terlibat dalam masalah ini perlu mengambil inisiatif menggabungkan diri menubuhkan satu persatuan atau kelab khusus bagi mereka yang mengalami nasib yang yang sama. Ini tidak mustahil dilakukan disebabkan ramai di kalangan wanita-wanita ini berjawatan tinggi, berpendidikan dan terdiri daripada semua golongan masyarakat.

Apa yang penting, dengan adanya persatuan tersendiri, mereka dapat membincangkan sesuatu perancangan tersendiri, menggabungkan fikiran dan tenaga dalam mengkajipermasalahan dan mengatasiny a secara bersama. Dalam hal ini secara tidak langsung

mereka mempunyai suara bagi menuntut hak-hak tertentu, membela diri, merancang atau menggesa pihak-pihak tertentu terhadap sesuatu kepentingan yang dikira sesuai setelah keputusan dibuat secara bersama.

Dengan ini rasanya mereka tidak akan tertekan dan diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu dan segala permasalahan dapat diselesaikan secara bersama dalam persatuan mereka.

Bagi golongan lelaki pula yang mempunyai syarat-syarat yang mencukupi untuk berkahwin, apa salahnya jika wanita-wanita yang berusia ini menjadi pilihan mereka. Segolongan daripada mereka mempunyai kelengkapan dan keperluan hidup yang mencukupi dan berkemampuan dari semua segi. Di samping cuba mengatasi masalah wanita ' berusia ' ini yang lambat bertemu jodoh dan berkahwin, secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf ekonomi dalam kehidupan bersama.

Selain dari itu penulis juga merasakan jika semua pihak berfikir permasalahan wanita ' berusia ' yang belum berkahwin ini sudah sudah sampai ke tahap yang meruncing, undang-undang yang

berkaitan dengan perkahwinan perlu diperkemaskan dan pihak-pihak Jabatan Agama Islam juga pihak-pihak lain yang berkaitan dengan pentadbiran Islam secara tidak langsung, perlulah menubuhkan satu badan atau unit khas mengkaji dan mencari penyelesaian secara teliti terhadap masalah ini yang berlaku di kalangan wanita Islam khususnya.

Kefahaman dan kesedaran dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan dan pembangunan keluarga melalui kursus-kursus, seminar ataupun forum perlu diadakan dari masa ke semasa kepada semua peringkat umur wanita agar kefahaman secara mendalam terhadap masalah perkahwinan diterima dengan sebaik mungkin dan usaha bersama ke arah mengatasi masalah ini dapat cari dan diselesaikan.

# KESIMPULAN

Setelah dibuat penelitian melalui kajian yang dilakukan, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa keseluruhan kahilsewati - an yang terlibat dalam masalah yang dipertimbangkan adalah terdiri daripada pelbagai golongan wanita ' berusia ' yang merangkumi dari kalangan mereka yang bekerja mahupun yang tidak bekerja, daripada latar belakang pendidikan rendah hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi, daripada yang berkedudukan rendah hinggalah ke peringkat atasan dan juga daripada latar belakang kehidupan yang berbeza.

Harus diakui bahawa mereka mengalami nasib yang serupa atau hampir sama, namun faktor-faktor penyebab yang mendorong mereka berkeadaan demikian adalah berbeza-beza mengikut keadaan, suasana dan latar belakang kehidupan wanita ' berusia ' itu sendiri.

Walau apapun keadaan dan suasana hidup yang dialami oleh

wanita-wanita yang terlibat, namun antara mereka, ibu bapa, masyarakat sekitar dan semua pihak samada yang terlibat secara langsung dalam masalah ini ataupun tidak cuba menghulurkan simpati dan mencari penyelesaian bersama.

Wanita ' berusia ' yang terlibat sekiranya menyedari faktor pendorong ke arah permasalahan yang mereka hadapi adalah atas kesalahan dan berpunca daripada diri sendiri, rasanya masih ada waktu untuk memperbaiki dan memperbetulkan keadaan dan kesilapan diri.

Begitu juga dengan ibu bapa dan masyarakat sekeliling menyedari bahawa masalah ini bukan hanya dengan berserah atau hanya bersikap tunggu dan lihat semata-mata, juga pada masyarakat bukan hanya melempar cemuhan dan cacian tetapi berusaha menghulurkan simpati serta bantuan kerana kebanyakan daripada mereka menyedari hakikat bahawa cemuhan dan cacian tidak akan menyelesaikan permasalahan malah tambah mengeruhkan suasana dan keadaan.

Wallahu Aklam

# BIBLIOGRAFI


A. AL Quranul Karim.

H. Mahmud Yunus (Prof. Dr.), Tafsir Al Quranul Karim (terj.), cetakan 23, Jakarta : P.T Hidakarya Agung, [illegible].

B. BUKU-BUKU HADIS

Al Khazweni, Abi Abdullah Bin Yazid, Sunan Ibnu Majah, juzuk [illegible]. Istambul , 1981.

Al Asy'ash, Abi Daud Sulaiman, Sunan Abi Daud, juzuk 2. Mesir : Matba'ed Al Babi Al Halabi Wa Auladuhu, 1952.

An Nisai, Abi Abdul Rahman Bin Shuaib, Sunan An Nisai, juzuk 8. Mesir : Syarikat Maktabah Wa Matbaah Mustafa Al Babi Al Halabi Wa Auladihi, 1974.

C. BUKU-BUKU BAHASA ARAB

Abdul Rahman Taj, As Syariah Al Islamiyyah Fi Al Ahwal As Shaksiyyah, cetakan kedua. Mesir : Maktabah Dar At Taklif, 1952.

Abu Ainain, Badran, As Ziwa' Wat Talaq Fil Islam, Fiqhul Muqarin Bainal Mazahib Al Arbaah As Sun'niyyah Wal Mazhab Al Jakfari Wal Qanun. Iskandariah : Muassasah Syabab Al Jamiah, 1985.

Al Khatib, Muhamad As Sharbini, Al Iqra' Fi Hal'li Al Faz'al Abi Syaja', juzuk 2. Beirut : Dar Al Fikr Lil Tiba'at Wal Nasyr Wal Tauzi (tanpa tarikh).

An Nawawi, Abu Zakaria Yahya, Mughni Al Muhtaj, juzuk 3. Mesir : Mustafa Al Babi Al Halabi Wa Auladuhu, [illegible].

As Sayid Sabiq, Fiqh Sunnah, juzuk 2. Beirut : Dar'ul Kitab Al Arabi, 1969.

Khalid, As Sheikh Hassan Adnan Naja, Ahkam Al Ahwal As Syakhsiyyah Fi As Syariah Al Islamiyyah. Beirut : Al Maktab At Tijari, 1964.

Taufik Hassan Farj (Dr.), Ahkam Al Ahwal As Syakhsiyyah Li Ghair Al Muslim Min Al Misriyyin. Iskandariah : Masya'ah Al Arif, 1969.

D. BUKU-BUKU BAHASA MALAYSIA / BAHASA INGGERIS

Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaysia. Kuala Lumpur : Malaysian Sociological Research Institution, 1975.

Dusuki Haji Ahmad (Hj.), Poligami Dalam Islam, edisi kedua. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1982.

Hamid Arshat (Prof. Dr.), Panduan Wanita, cetakan ketiga. Kuala Lumpur : Penerbitan PENA Sdn. Bhd., [illegible].

Md. Hashim Bin Hj. Yahya, Tanggung Jawab Ibubapa dan Anak Menurut Islam, cetakan pertama. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, 1987.

Miqdad Yaljan (Prof. Dr.), Rumah tangga Islam Bagaimana Sepatutnya ( terj. Mohd Kamil Bin Abd. Majid ), jilid 1. Kuala Lumpur : Syarikat Al Muslimah, [illegible].

Mohd. Sanusi Haji Mahmud (Hj.), Undang-Undang Keluarga Dalam Islam, cetakan 1. Kota Baharu : Syarikat Dian Sdn. Bhd., 1978.

Mohd. Saidin Ishak, Salihuddin Saidin, Zubaidah Ahmad Ishak, Kenegaraan Malaysia, cetakan 1. Kuala Lumpur : Penerbitan Elman, 1989.

Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee, Pendidikan di Malaysia (Mengikut Sukatan Pelajaran Baru [illegible]), cetakan ketiga. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. [illegible].

Sayid Sabiq, Fiqh Sunnah, (terj. : Mahyuddin Syaf), juzuk 6, cetakan kedua. Bandung : Penerbitan PT Al Maarif, 1982.

Sulaiman Rasjid (H), Fiqh Islam, cetakan ketujuh belas. Jakarta : Penerbitan At Tahiriyah, 1954.

Tariq Ismail Kakhia, Perkahwinan di Dalam Islam, cetakan ketiga. Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1987.

Buku Tahunan Perangkaan Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia, Jun 1987.


## E. KAMUS


Fuad Ifram Al Bustani, Munjid At Tullab, cetakan 33. Beirut, Lubnan : Dar Al Mushriq Syam, 1986.

Mahmud Yunus (Prof. H), Kamus Arab-Indonesia. Jakarta : Yayasan Penyelenggara Penterjemah Pentafsir Al Quran, 1973.

Muhamad Idris Abdul Rauf Al Marbawi, Kamus Idris Al Marbawi, juzuk 1, cetakan keempat. Bandung : Syariket Al Maarif, (tanpa tarikh).

Teuku Iskandar (Dr.), Kamus Dewan, cetakan kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

## F. AKHBAR, MAJALAH, ARTIKEL

Ismail Abdullah, "Agama Memandu Kerukunan Rumahtangga", <u>Berita Harian</u>, Jumaat 24 Mac 1989.

Rohaya Haji Ishak, "Cari Jodoh", <u>Berita Minggu</u>, Ahad [illegible] Mei 1989.

"Gadis Lambat Kahwin, Siapa Yang Bersalah", <u>Berita Harian</u>, Jumaat 24 Mac 1989.

Abd. Jalil Ishak, "Isu Penduduk 70 Juta, Apakah Kontroversi nya", <u>Dewan Masyarakat</u>, jilid 22, bil. 11, November 1984.

Aida Osman, "Bukan Sekadar Hantaran dan Mas Kahwin", <u>Keluarga</u>, Ogos 1989.

Hassan Ahmad, "Perkahwinan Satu Cara Hidup", <u>Dewan Masyarakat</u>, jilid 1, bil. 1, 15 September 1963.

H.M Jajuli, "Ikut Sunnah Nabi Kahwin Tetapi Adil", <u>Dewan Masyarakat</u>, jilid 21, bil. 2, Februari 1983.

Mat Daud Haji Harun, 'Bebas Menyebabkan Lambat Kahwin', <u>Majalah Dakwah</u>, bil. 48, Julai 1989.

Mohd. Syafie Bin Abd. Ghani, 'Pertentangan Adat-Syarak Dalam Perkahwinan', <u>Al Muslimah</u>, bil. 38, Ogos 1989.

Zaiton Nasir, 'Hikmat Bermadu', _Dewan Masyarakat_, jilid [illegible], bil. 1, Januari [illegible].

Zakaria Hassan, 'Ramai Wanita Berumur Belum Berkahwin – Pendapat Muslimah', _Al Muslimah_, bil. 36, Jun 1989.

Zaleha Ismail, 'Isteri Ideal Menurut Kacamata Islam', _Al Muslimah_, bil. 009, Julai – Ogos 1989.

'60,000 Wanita Belum Berkahwin – Kembali Kepada Pegangan Asal', _Al Muslimah_, bil. 36, Jun 1989.

'Faktor Penyebab Wanita Tak Kahwin Bukan Bahan Jenaka', _Al Muslimah_, bil. 36, Jun 1989.

'Jika Anak-Anak Gadis Tidak Dipinang, Apa Tanggungjawab Ibu Bapa', _Timang_, bil. 15, Januari – Februari 1989.

'Terbelenggu Dalam Era Peralihan', _Al Muslimah_, bil. 36, Jun 1989.

'Ramai Wanita Berumur Belum Berkahwin, Apakah Punca Masalah Ini', _Majalah Ummi_, bil. 7, Jun 1989.

'Per Cent Of Women Ever Married By Age Group As Reported In Various Studies Since 1947, P. Malaysia'. Kuala Lumpur : Lembaga Pembangunan dan Perancangan Keluarga Negara.

## G. TEMUBUAL

Dato' Sheikh Mohd. Yusuf Ismail (D.S.D.K, B.C.K), Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), pada 15.9.1989.

Sheikh Azmi Haji Ahmad, Ketua Pendaftar Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syarak, Jabatan Agama Islam Kedah, pada 22.8.1989.

Ustaz Shafie Bin Khatib Jali, Pegawai Penerangan Kenan Agama, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Perdana Menteri, pada 13.9.1989.

Ustaz Abd. Wahab Sakrani Bin Ahmad, Penolong Pengarah Institut Dakwah Islamiah Malaysia (INDAH), Jabatan Perdana Menteri, pada 5.9.1989.

Ustaz Hassan Haji Salleh, Naib Yang Dipertua Persatuan Ulamak Malaysia (PUM), pada 21.10.1989.

Ustaz Suhaimi Haji Ahmad, Setiausaha Perhubungan PAS Negeri Kedah, pada 22.8.1989.

Tuan Haji Ahmad Bin Haji Ilias, Bilal Masjid Kampung Padang Lalang, Alor Setar, Kedah, pada 23.8.1989.

En. Mohd. Tarmizi Haji Ahnad, Pegawai Risda Daerah Kota Setar, pada 23.8.1989.

En. Ahmad Bin Ismail, seorang penduduk Kampung Padang Lalang, Alor Setar, Kedah pada 22.8.1989.

En. Khalid Ahmed, kerani di sebuah jabatan kerajaan di Kuala Lumpur pada 6.9.1989.

Cik Hasnah Zainal, pelajar tahun IV, Fakulti Syariah, Universiti Malaya pada 7.1.1990.

Puan Asna Bt. Mohd Taib, suri rumah di sebuah kawasan perumahan di Negeri Kedah pada 25.8.1989.

Puan Rokiah Muhamad, guru agama di salah sebuah sekolah menengah di Alor Setar, Kedah pada 15.12.1989.

Cik ________________, berusia 36 tahun, pegawai di salah sebuah jabatan kerajaan di Kuala Lumpur pada 5.9.1989.

Cik ________________, berusia 34 tahun, pegawai di salah sebuah jabatan kerajaan di Negeri Kedah pada 25.8.1989.

Cik ________________, berusia 35 tahun, guru berijazah pada 15.12.1939.

Cik ________________, berusia 33 tahun, kerani di sebuah syarikat penerbitan di Kuala Lumpur pada 6.9.1989.

Cik ________________, berusia 36 tahun, seorang peniaga di Alor Setar pada 25.8.1989.

Cik ________________, berusia 35 tahun, penduduk Kampung Pedang Lalang, Alor Setar, Kedah pada 25.8.1989.

Cik ________________, berusia 32 tahun, berasal dari Negeri Pahang pada 7.1.1989.

# PETA MALAYSIA




"Government Copyright is Reserved
The approval of the Surveyor General, Malaya is necessary before any Survey Department map or portion thereof may be copied."

## TABURAN PENDUDUK DI MALAYSIA



# PENDUDUK MENGIKUT UMUR DAN JANTINA, MALAYSIA 1986

CARTA III.4: PENDUDUK MENGIKUT UMUR DAN JANTINA, MALAYSIA, 1986
*CHART III.4 POPULATION BY AGE AND SEX, MALAYSIA, 1986*




CARTA III.5: JANGKAAN HAYAT PADA MASA KELAHIRAN MENGIKUT JANTINA, SEMENANJUNG MALAYSIA, 1970–85
*CHART III.5: EXPECTATION OF LIFE AT BIRTH BY SEX, PENINSULAR MALAYSIA, 1970–85*






# KEPADATAN PENDUDUK MENGIKUT NEGERI DAN KUMPULAN ETNIK DI MALAYSIA

**CARTA III.2: KEPADATAN PENDUDUK MENGIKUT NEGERI, MALAYSIA, 1980**
***CHART III.2: POPULATION DENSITY BY STATE, MALAYSIA, 1980***




**CARTA III.3: TABURAN PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN KAWASAN, MALAYSIA, 1986**
***CHART III.3: POPULATION DISTRIBUTION BY ETHNIC GROUP AND REGION, MALAYSIA, 1986***



AL MUSLIMAH, OGOS 1989

## Faktor Penyebab -

# Wanita Tak Kahwin Bukan Bahan Jenaka

**...adakalanya wanita berpelajaran sendiri juga lebih rela tidak berumahtangga dari berkahwin dengan lelaki yang tidak sama tahap pemikiran dengannya ... Atau mungkin merasakan mereka tidak begitu memerlukan lelaki dalam hidup kerana kedudukan kewangan yang kukuh serta dapat membiayai hidup sendiri.**

B[illegible]



KELUARGA

# BEBAS MENYEBABKAN LAMBAT KAHWIN

Mat Daud Haji Harun



AMALAN menghidupkan sunnah Nabi dituntut oleh Islam. Sabda nabi s.a.w. bermaksud: "Kahwin adalah sunnahku. Maka barangsiapa tidak suka kepada sunnahku bererti dia tidak suka kepadaku."

Sesungguhnya seluruh cara hidup nabi itu adalah gambaran kepada akhlak yang dikehendaki oleh Al-Quran. Salah satu daripada sunnah nabi ialah mendirikan rumahtangga apabila sampai masanya [illegible]

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara kini terdapat 60,000 wanita yang berumur dalam lingkungan 30 — 34 tahun masih belum mendirikan rumahtangga. Kebanyakan mereka terdiri daripada mereka yang berpelajaran tinggi dan bekerja.

Kita tentunya ingin mengetahui apakah punca sehingga berlakunya perkara sedemikian. Apakah terjadinya demikian semata-mata berpunca dari pihak wanita berkenaan atau masih ada faktor-faktor lain yang tersirat di sebaliknya.

Menurut sejarah asalnya wanita dikaitkan dengan institusi berkeluargaan. Secara tradisinya mereka dianggapkan sebagai seorang anak manja, sebagai isteri yang taat atau sebagai ibu yang penyayang. Wanita juga dilambangkan sebagai makhluk yang paling lemah lembut, bersopan santun dan berbudi bahasa. Mereka tidak mampu hidup bersendirian dalam ertikata untuk menjamin keselamatan dirinya. Dengan lain perkataan mereka perlu hidup bersama lelaki sama ada sebagai bapa atau suami.

Masyarakat tradisional kurang memberi peluang kepada anak-anak gadis mereka untuk menimba ilmu setinggi-tingginya. Tempat mereka hanya di dapur membantu ibu memasak atau mencuci pakaian. Dengan kata lain tugasnya sebelum dikahwinkan ialah membantu ibu di rumah.

Kebanyakan ibu bapa dalam masyarakat tradisional mengahwinkan anak gadis mereka dalam lingkungan umur belasan tahun. Mereka malu jika seterusnya anak mereka lambat dipinangkan. Jika berlaku kelambatan orang masuk meminang tentunya ada sesuatu yang tak kena.

Anak gadis dalam masyarakat tradisional kurang didedahkan dengan sebagai bergaul bebas. Mereka kadang-kadang tidak berpeluang langsung untuk menghadiri kenduri kahwin kecuali ibu bapa mereka yang menemaninya. Namun demikian jarang kita dengar ada di kalangan mereka yang lambat kahwin sekalipun mereka tidak berapa pandai bersolek.

Berbeza dengan anak gadis sekarang ini. Mereka banyak dipengaruhi dengan budaya asing. Sejak di bangku sekolah lagi mereka diasuh, dididik bergaul dengan kanak-kanak lelaki. Keadaan yang sama berlaku semasa di sekolah rendah, sekolah menengah atau di pusat-pusat pengajian tinggi.

BERITA HARIAN, JUMAAT 24 MAC 1989



# Gadis lambat kahwin: Siapa yang bersalah?

MASALAH gadis yang sudah lanjut usia tetapi belum berkahwin adalah satu fenomena sosial yang jarang diberi perhatian. Apabila anak gadis meningkat usia 30 tahun tetapi masih belum dipinang, ibu bapa sendiri akan berasa resah.

Mereka bimbang anak dara mereka menjadi andartu. Gelaran andartu memang patut dirisaukan sehingga ada seseorang gadis yang berumur 30-an tahun begitu malu jika menyedari rakan sebayanya sudah berkahwin dan mempunyai dua atau tiga anak.

Ada yang mengaitkan perkara ini dengan hantaran dan belanja perkahwinan yang terlalu tinggi, sikap orang gadis yang terlalu memilih, gadis terbabit pernah gagal dalam bercinta dan lebih mementingkan kerjaya daripada menjadi isteri dan ibu.

Tetapi si gadis terbabit pula tidak mahu dirinya dipersalahkan jika mereka masih bersendirian setelah umurnya menjangkau 30-an tahun. "Takkan perigi mahu mencari timba," begitulah alasan sesetengah gadis apabila ditanya mengapa terlalu lewat berkahwin.

Sungguhpun jodoh ditentukan Allah s.w.t. tetapi usaha, ikhtiar dan doa adalah perlu. Ibu bapa tidak harus marah jika ada lelaki berbudi pekerti mulia dan beriman ingin menyunting anak gadis mereka.

Istilah pipit sama pipit dan enggang sama enggang mungkin menyebabkan ibu bapa terlalu memilih untuk mencarikan jodoh anak gadis mereka. Ibu bapa dan si gadis sendiri tidak harus terlalu mementingkan kedudukan, pangkat dan harta sebaliknya lebih baik membentuk kerukunan rumahtangga seperti yang dikehendaki dalam Islam.

Dalam beberapa hal, si gadis itu sendiri boleh dipersalahkan jika lewat berkahwin. Mungkin gadis itu terlalu memilih pasangan, berhati pendiam atau rasa rendah diri kerana paras wajahnya tidak secantik gadis lain.

Gadis yang terlalu bersosial dan tidak mengetahui batas pergaulan juga memungkinkan tidak ada teruna sudi memilihnya sebagai isteri.

Ada juga gadis yang memikirkan tidak perlu berkongsi hidup bersama suami kerana pendapatannya sudah cukup menyara diri sendiri. Tetapi tidak kurang juga gadis yang menganggap menjadi isteri dan ibu adalah satu beban dan mengganggu kerjayanya.

Selain itu, tidak kurang ibu bapa membiarkan anak gadis terutama yang berpelajaran tinggi dan mempunyai pendapatan lumayan memilih sendiri jodohnya. Tetapi jika terlalu dibiarkan dan si gadis pula terlalu memilih, maka tidak hairan jika gadis berkenaan tidak disunting.

Gadis-gadis yang sudah lanjut usia tetapi belum atau enggan berkahwin harus sedar bahawa berkahwin itu dapat menjauhkan diri daripada perbuatan maksiat terutama zina. Hikmah perkahwinan dan kelebihannya memang banyak. Tanyalah kepada perempuan yang sudah berkahwin.

Jika anak-gadis tidak dipinang

# Apa tanggungjawab ibu bapa?

**MASALAH anak gadis yang telah lanjut usia tetapi belum dipinang merupakan satu fenomena sosial yang baru di negara ini tetapi jarang diberi perhatian serius.**

Kegagalan anak-anak gadis mendapatkan pasangan maupun dipinang meletakkan mereka dalam kategori andartu dan ini merupakan gelaran yang perit untuk diterima.

Pelbagai lapisan masyarakat memberikan tafsiran terhadap gejala ini termasuklah jika ditinjau dari aspek sosial, ekonomi dan juga faham politik.

Umum selalunya mengaitkan berlakunya permasalahan di kalangan anak-anak gadis andartu berkait rapat dengan mas kahwin yang ditetapkan terlalu tinggi, sikap anak gadis tersebut yang terlalu sosial di samping tugas dan tanggungjawab ibubapa si gadis.

Semakin ramai anak gadis yang lebih mengutamakan pelajaran setinggi-tingginya terlupa terhadap soal-soal kahwin turut menjadi penyebab utama.

Sejauh manakah benarnya segala dakwaan itu tidak dapat diputuskan memandangkan perangkaan yang jelas mengenai peratus kejadian seumpama itu tidak dapat dikesan.

Naib Presiden Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Profesor Madya Ustaz Haji Hassan Saleh mengakui penyakit lambat mendapat pasangan sememangnya dihadapi oleh anak gadis masa kini.

Dalam Islam, proses perkahwinan yang ditetapkan tidaklah terlalu sulit tetapi berlakunya gejala seperti itu adalah kerana beberapa ciri yang gagal disempurnakan, beritahu Profesor Madya Ustaz Haji Hassan Saleh kepada wakil TIMANG.

Ustaz Haji Hassan juga menyifatkan penyakit ini adalah satu penyakit baru di zaman moden.

Sungguhpun jodoh ditentukan oleh Allah tetapi usaha dan ikhtiar serta doa dari kita adalah perlu, katanya. Apa yang beliau maksudkan, bukanlah bermakna si gadis perlu mencari si teruna. Sepotong hadis kata beliau ada menyebut, 'Apabila anak perempuan kamu sudah sampai umur 14 tahun ke atas segeralah kahwinkan'.

Beliau juga memberitahu, ada lagi satu hadis yang bermaksud, 'Apabila datang seseorang untuk meminang yang akhlaknya baik, beriman, hendaklah diterima'.

Ini terbukti, yang ibu bapa serta si gadis tidak perlulah terlalu memilih pangkat dan wang tinggi sebaliknya lebih hendaklah memikirkan kerukunan rumahtangga seperti yang dianjurkan oleh Islam, ujarnya.

"Lantaran itu, saya rasa antara lain masalah terlalu memilih memungkinkan para gadis sulit untuk mendapat pasangan, selain daripada peribadi gadis tersebut yang agak sosial tanpa mengetahui batas-batas pergaulan," kata beliau lagi.

Para teruna juga kata beliau boleh berdaftar memilih pasangan mereka dari kalangan anak-anak gadis. Mereka juga hendaklah memastikan terlebih dahulu sama ada si gadis tersebut belum menjadi tunangan orang.

"Utamakan gadis-gadis tetapi hendaklah pastikan dia belum menjadi tunang orang kerana adalah haram hukumnya bagi kita meminang gadis yang telah menjadi milik orang," tambah beliau.

Menurut Ustaz Haji Hassan lagi, satu hadis ada menyebut 'Hendaklah kamu berkahwin kerana hartanya, pangkatnya, rupanya dan agamanya', tetapi beliau mengesyorkan supaya agama menjadi pilihan utama.

Tugas ibu bapa adalah penting bagi menentukan sebarang keputusan, apatah lagi dalam soal menentukan jodoh. Sekalipun begitu, ini adalah bermakna ibu bapa menilai bakal menantunya dari sudut rupa paras, harta benda atau pangkat, tegas beliau.



• Benarkah pelajaran tinggi menyebabkan anak

MAJALAH UMMI, JAN 1989

# Ramai Wanita Berumur Belum Berkahwin

## Apakah punca masalah ini?

Kajian yang dibuat oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menunjukkan, daripada kira-kira 800,000 wanita di Semenanjung yang berumur antara 30 dan 34 tahun, 10 peratus atau 80,000 daripadanya masih belum berkahwin. Perangkaan ini mengejutkan banyak pihak.

Isu ini sememangnya sensitif untuk diperkatakan, lebih-lebih lagi di kalangan wanita sendiri. Namun begitu, ada pihak yang mempertikaikan perangkaan LPPKN tersebut. Menurut Bahagian Hal Ehwal Wanita di Jabatan Perdana Menteri (HAWA), bancian Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa bilangan wanita berumur antara 30 dan 34 tahun yang tidak berkahwin pada tahun 1980 ialah 335,694. Dengan mengandaikan bahawa hanya 10 peratus daripada jumlah tersebut masih tidak berkahwin, HAWA menganggarkan hanya 33,369 wanita yang kini berumur 30 hingga 34 tahun yang tidak berkahwin.

Perbincangan mengenai permasalahan ini tidak harus berkisar pada bilangan sama ada 33,369 atau 80,000 orang. Pokoknya, masalah ramai wanita tidak berkahwin ini memang wujud dalam masyarakat kita. Yang penting diperbincangkan ialah sekiranya mana-mana angka itu benar, apakah langkah dan tindakan seterusnya yang harus diambil? Penelitian dan pengkajian perlu dibuat bagi mencari di manakah punca yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Adakah wanita sendiri yang enggan berkahwin atau terlalu memilih lelaki yang ingin meminangnya? Bagaimana dengan perangkaan lelaki yang belum berkahwin? Adakah lelaki juga suka membujang atau apakah proses perkahwinan kini yang menjadi penghalang?

Bagi wanita yang masih belum berkahwin, persoalan kahwin memang sesuatu yang sensitif. Walaupun mereka mungkin telah berjaya dalam kerjayanya, hidupnya tetap tidak tenteram atau puas. Umumnya, masyarakat masih beranggapan bahawa selagi belum berkahwin dan menjadi ibu seseorang wanita itu belum lagi dianggap telah berjaya sepenuhnya. Oleh itu, persoalan ini memerlukan penyelesaian kerana ia bukan sahaja memberi kesan kepada pembangunan ummah tetapi juga kepada perkembangan mental dan emosi individu terlibat.

### Tradisi

Satu faktor penting yang menyulitkan proses perkahwinan ialah adat dan tradisi perkahwinan yang rumit. Ajaran Islam yang menggalakkan dan mempermudahkan perkahwinan tidak dilaksanakan. Contohnya, sistem "belanja kahwin" yang berleluasa dalam masyarakat kita amat membebankan pasangan yang ingin berkahwin. Bagi seorang lelaki yang ingin berkahwin, bakal perlu menunggu dan mengumpul wang untuk membayar "belanja" atau terpaksa bergadai bergolok sekiranya mahu kahwin lebih awal. Jumlah belanja pula semakin naik. Apalagi jika wanita tersebut berpendidikan tinggi atau berkedudukan. Sebahagian ibu bapa pula bermegah dan berlumba untuk meninggikan belanja anak perempuan mereka.

Perlu juga diselidiki adakah pihak wanita sendiri yang menjadi punca masalah ini. Mungkin wanita-wanita kini terlalu memilih calon suami. Apalagi bagi yang berpendidikan tinggi atau mempunyai pekerjaan. Mereka mahukan lelaki yang setaraf dengan mereka sahaja. Ini amat berbeza dengan wanita dahulu di mana kebanyakan perkahwinan diatur oleh ibu bapa. Memang bakal pengantin tersebut boleh menolak pilihan orang tua mereka, tetapi jarang yang berbuat demikian kerana mungkin masing-masing yakin bahawa ibu bapa lebih arif dan hanya menghendaki kebaikan untuk mereka.

### Pilihan ibu bapa

Pilihan ibu bapa pula selalunya diasaskan atas sifat keagamaan dan kemungkinan bahawa bakal menantu dapat melindungi anaknya pada sebarang keadaan dan tidak sangat atas harta atau kedudukan. Anehnya, cara yang dianggap sebagai kolot oleh orang-orang zaman moden ini, biasanya memang membuahkan rumahtangga yang aman damai, bahagia dan melahirkan anak-anak yang berjaya pada hari ini.

Perkara di atas menunjukkan jelas bahawa sudut pandangan masyarakat yang amat mementingkan kebendaan telah memberi sumbangan kepada masalah ini. Masyarakat kini menjadikan kebendaan sebagai kayu ukur individu. Mungkin, sebab itulah pihak lelaki merasa sangsi apakah lamaran mereka akan diterima. Juga, mereka mungkin merasakan sukar mengemudikan bahtera keluarga sekiranya bakal isterinya mempunyai pekerjaan atau taraf sosial yang lebih tinggi daripadanya.

### Perkahwinan dalam Islam

Pernikahan ataupun perkahwinan merupakan suatu sunnah yang dikehendaki oleh Allah untuk para hamba-Nya bagi menjalankan kehidupan mereka di dunia. Ia merupakan satu jalan untuk memenuhi satu keperluan naluri manusia dan untuk meneruskan zuriat.

Nikah adalah wajib ke atas sesiapa yang mampu. Ia dapat membantu mengawal diri serta menjaga keturunannya. Oleh demikian, keengganan atau kelewatan wanita berkahwin adalah sesuatu yang serius.

Adakah tradisi lelaki meminang wanita perlu diubah kepada sebaliknya sebagaimana Siti Khadijah meminang Rasulullah (s.a.w)? Atau sampaikah masanya amalan poligami digalakkan untuk mengatasi masalah ramainya wanita yang tidak berkahwin?





(1) Atan Enck Shahrudin sementara kanan kebilangan Agensi Merak Mawar Wangi sibuk menguruskan pendaftaran ahli yang ingin bertemu jonp dan mencari jodoh.

# CARI JODOH

Oleh ROHAYA HAJI ISHAK
Gambar SULAIMAN YSOP

MASALAH gadis yang sudah lanjut usia tetapi belum berumahtangga adalah satu fenomena sosial yang jarang diberi perhatian. Apabila gadis meningkat usia 30 tahun tetapi belum dipinang, ibu bapa akan berasa resah kerana bimbang anaknya menjadi andartu.

Gelaran andartu memang pahit. Ada yang mengaitkannya dengan hantaran dan belanja perkahwinan terlalu tinggi, sikap gadis terlalu memilih, gadis pernah gagal bercinta atau lebih mementingkan kerjaya.

Namun, si gadis tidak mahu dirinya dipersalahkan dengan alasan 'takkanlah perigi hendak mencari timba'. Namun, biarpun jodoh memang ditentukan Allah s.w.t. tetapi usaha dan doa adalah perlu.

Tambahan pula kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati 10 peratus daripada jumlah wanita negara ini berusia antara 30 dan 35 tahun belum mendirikan rumahtangga, lebih menumpukan pelbagai implikasi.

Pelbagai pihak memberikan perhatian terhadap beberapa perubahan wanita. Ada yang menggesa supaya sebuah agensi ditubuhkan bagi membantu lebih 60,000 wanita mencari pasangan hidup.

Kini gesaan itu menjadi kenyataan apabila sebuah agensi milik bumiputera bersedia membantu mencarikan jodoh bagi mereka yang ingin mendapatkan khidmat agensi berkenaan.

Agensi berdaftar yang pertama membabitkan bidang perkahwinan di negara ini juga bersedia mengaturkan temu janji dan majlis perkahwinan beramai-ramai bagi mereka yang menjadi ahlinya.

Agensi itu dikenali sebagai Agensi Merak Mawar Wangi, terletak di 2/4 Tingkat Satu, Jalan Brickfield, Kuala Lumpur yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat menyediakan perkhidmatan mencari jodoh berkomputer.

Organisasi yang ditubuhkan enam bulan lalu itu, kini mempunyai lebih 500 ahli di seluruh negara terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti pegawai berjawatan tinggi, kerani, berpakaian seragam, kerja buruh dan pekerja kilang.

Pengurusnya, Enck Shahrudin Putch, 31, menjelaskan agensinya menjadi perintis dalam industri itu kerana berminat dan ingin membantu golongan terbabit, sama ada lelaki maupun wanita.

"Saya mendapat ilham ini setelah banyak mengembara dan melihat cara kehidupan masyarakat asing di luar negara seperti Singapura, Jepun dan negara Barat," katanya.

Beliau mengatakan mereka yang ingin menjadi ahli agensinya mestilah mengisi borang permohonan secara jujur dan tidak demi kepentingan tertentu. "Agensi ini mempunyai pakar untuk menentukan latar belakang sebenar pemohon. Sekiranya meragukan, permohonan itu ditolak," katanya yang sudah berkahwin dan mempunyai tiga cahaya mata.

Beliau yang berasal dari Kampung Baru di ibu negara memang berminat menolong orang lain itu menyatakan agensinya mementingkan kejujuran dan kebahagiaan ahli bagi kepentingan jangka panjang di samping membantu gadis yang sudah terusia dan malu untuk mencari pasangan.

Untuk itu, kata Enck Shahrudin, mereka terbabit perlu bersusah payah sekurang-kurangnya telah melalui temu janji atau mencari jodoh seperti yang dilakukan oleh agensinya yang ditubuhkan enam bulan lalu.

Bagi mengelakkan pertelingkahan di samping mengelakkan daripada tergesa-gesa, perkahwinan beramai-ramai boleh diuruskan. Agensi itu menyediakan pakaian dan mekap pengantin, khidmat kad jemputan, media, tempat bersanding, rakaman video dan kad jemputan.

Katanya, masyarakat kini ini sudah dapat menerima keadaan itu dan berfikiran lebih terbuka, meskipun ada yang menganggapnya sebagai bertentangan dengan adat kebudayaan Melayu.

Negara lain seperti Singapura misalnya sudah ada pertubuhan seumpama itu yang dikenali sebagai Pertapis. Pertubuhan itu menyediakan khidmat mencari jodoh sejak dua tahun lalu setelah mendapati ramai muda mudi Islam di Republik itu sudah mencapai umur untuk berkahwin tetapi belum bertemu disebabkan kerana menumpukan perhatian kepada kerjaya.

Beliau menjelaskan, agensinya mengenakan $30 bagi yuran pendaftaran keahlian, $10 bagi yuran tahunan, sekiranya ahli bertemu jodoh melalui Mawar Wangi, ahli dikenakan $300.

"Ahli diberikan lima pilihan bagi mencari jodoh dan diaturkan temu janji sebanyak 12 kali setahun. Sekiranya mereka tidak dapat menerima pasangan sehingga tempoh tertentu, wang akan dipulangkan semula sebanyak 50 peratus," katanya.

## Ramai Wanita Berusia Belum Kahwin

# Pendapat Muslimat

Oleh Zakaria Hassan

*Sejak Lembaga Perancang Penduduk dan Keluarga (LPPKN) mengeluarkan statistik 60,000 orang wanita berusia lebih 30 tahun ... orang mula membincangkannya. I... bayangkan betap... dapat perhatian serius. Al Muslim... mengenai ...genainya. Ini men... rumahtangga men... ...pnya satu perkara ...imin dan muslimat ...ri Kelantan.*

## 60,000 WANITA BELUM KAHWIN

# Kembali Kepada Peranan Asal

*Persiapan dan persediaan mesti ada sebelum teruna dan dara memutuskan untuk menjadi suami isteri.*

# BUKAN SEKADAR HANTARAN DAN MASKAHWIN



# BORANG SOAL SELIDIK

## KAHWIN LAMBAT DI KALANGAN WANITA, SEBAB, KESAN DAN PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAPNYA

Perhatian kepada responden:

1- Borang soal selidik ini merupakan satu inisiatif untuk mengetahui pandangan masyarakat umum terhadap golongan wanita 'berusia' yang belum berkahwin.

2- Sila isikan tempat kosong dengan butir-butir yang dikehendaki atau tandakan ( ✓ ) dalam ruangan yang disedia kan.

3- Jawapan hendaklah jujur, bertanggung jawab dan tepat berdasarkan pemarhatian responden terhadap golongan wanita yang terlibat. Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan.

5- Pihak penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan.

Nurishah Bt. Haji Ahmad,
Fakulti Syariah,
Akadomi Islam,
Universiti Malaya.

1- Umur : ______________________

2- Pekerjaan : ______________________

3- Pendapatan : ______________________

4- Tahap pendidikan :

( ) sek. rendah.

( ) sek. menengah.

( ) sek. men. agama.

( ) pusat pengajian tinggi.

5- Baru-baru ini LPPKN mengeluarkan kenyataan hasil dari kajian-nya di mana terdapat 60,000 wanita berusia lebih dari 30 tahun masih belum berkahwin. Pada pandangan anda apakah ini merupakan satu masalah yang serius yang perlukan tindakan segera atau ianya merupakan perkara biasa.

______________________________________________

______________________________________________

6- Pada pandangan anda golongan manakah yang banyak terlibat dalam masalah ini?

( ) berpendidikan tinggi dan berjawatan

( ) berpendidikan sederhana

( ) lain-lain, nyatakan ______________________

7- Apakah faktor-faktor yang menyebabkan wanita 'berusia' lambat berkahwin?

( ) terlalu pemilih

( ) pendidikan dan pekerjaan

( ) terlalu bebas

( ) boleh berdikari

( ) membantu keluarga

( ) lain- lain, nyatakan ______________________

8- Adakah anda bersetuju jika dikatakan permintaan belanja kahwin yang tinggi merupakan faktor utama wanita 'berusia' lambat dipinang.

( ) ya

( ) tidak

Apa komen anda dalam mengatasi masalah ini?

______________________________

9- Adakah perlu ibu bapa bertanggungjawab dalam memilih pasangan hidup anak-anak mereka walaupun anak-anak berpendidikan dan berjawatan.

( ) perlu, nyatakan alasan ______________________________

( ) tidak perlu ______________________________

10-Bagaimana hubungan wanita 'berusia' yang belum berkahwin dengan masyarakat setempat?

( ) baik

( ) sederhana

( ) kurang baik

( ) tidak ada hubungan

11-Ada di kalangan masyarakat menganggap serong terhadap wanita 'berusia' yang belum berkahwin. Apa pandangan anda dalam masalah ini?

______________________________

______________________________

12-Pada pandangan anda bagaimana pergaulan wanita-wanita yang terlibat dalam masalah ini dengan rakan-rakan lelaki?

a) wanita bekerja

______________________________

b) wanita tidak bekerja

________________________________________

13- Pada pandangan anda adakah wanita-wanita yang terlibat dalam masalah ini mengalami tekanan perasaan ?

( ) ya, nyatakan ______________________________

( ) tidak, nyatakan ____________________________

Jika 'ya' bagaimana cara untuk mengatasi tekanan ini ?

________________________________________

14- Apakah kesan-kesan sampingan yang anda dapati dari wanita-wanita 'berusia' yang belum berkahwin ?

a) kesan baik

1) __________________________________

2) __________________________________

3) __________________________________

b) kesan buruk

1) __________________________________

2) __________________________________

3) __________________________________

15- Anda sebagai individu yang secara tidak langsung terlibat dalam masalah ini, apakah sumbangan yang anda fikirkan sesuai untuk membantu wanita-wanita yang terlibat ?

1) __________________________________

2) __________________________________

3) __________________________________

16- Salah satu jalan penyelesaian yang disarankan untuk mengatasi masalah ini adalah melalui poligami. Adakah anda bersetuju dengan masalah ini?

( ) ya

( ) tidak

Apa pandangan anda terhadap [illegible]?

______________________________________________

______________________________________________

17. Apa pandangan anda terhadap agensi-agensi cari jodoh yang ada sekarang dalam membantu masalah wanita 'berusia' yang lambat kahwin?

______________________________________________

______________________________________________

18. Pada pandangan anda, adakah agensi ini merupakan cara penyelesaian terbaik dalam mengatasi masalah ini?

( ) ya, nyatakan alasan ______________________________

( ) tidak, nyatakan ______________________________

19. Apa cadangan dan saranan anda untuk menyelesaikan masalah wanita 'berusia' yang belum berkahwin.

a) cadangan terhadap wanita yang terlibat

1) ______________________________________________

2) ______________________________________________

3) ______________________________________________

b) cadangan terhadap ibu bapa / keluarga

1) ______________________________________________

2) ______________________________________________

3) ______________________________________________

c) cadangan terhadap pihak-pihak tertentu

1) ______________________________________________

2) ______________________________________________

3) ______________________________________________

# TAMAT

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .